

*Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala:*

*Mafhumnya:  
"Adakah mereka menyangka bahawa  
apa yang Kami kurniakan kepada mereka  
daripada harta dan anak-anak itu.  
(Bererti bahawa) Kami menyegerakan bagi  
mereka kebaikan-kebaikan? (Tidak, bukan  
begitu) bahkan mereka tidak menyedari  
(hakikat yang sebenar)."*

*(Surah al-Mu'minun: 55-56)*



Bil. 151  
April 2022M/1443H

Al-Huda  
الهدا

Bil. 151 April 2022M/1443H

# Istidraaj

Kenikmatan Rezeki  
Ke Arah Kebinasaan

10

Istidraaj Ni'mat  
Tetapi Azab

19

Istidraaj **25**

Nabi Hud 'Alaihissalam  
Dengan Kaum 'Ad

**46**

# Istidraaj itu nyata

Daripada ‘Uqbah bin ‘Aamir bahawa  
**Rasululullah ﷺ bersabda:**

*“Apabila engkau melihat Allah memberi kepada seorang hamba apa yang dia senangi dari dunia, (padahal) dia di atas kemaksiatan-kemaksiatannya, sesungguhnya hal tersebut hanyalah Istidraaj.”*

Kemudian Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wa sallam membacakan ayat al-Quran surah al-An'aam ayat 44 yang mafhumnya: “Maka apabila mereka melupakan peringatan yang telah diberikan kepada mereka, Kami pun membukakan kepada mereka pintu-pintu segala sesuatu (ni'mat kesenangan dan kemewahan) sehingga apabila mereka bergembira dengan segala apa yang diberikan kepada mereka (bala bencana) secara mengejut maka ketika itu mereka pun berputus asa (daripada mendapat pertolongan dan rahmat Allah).

(Diriwayatkan oleh Imam Ahmad)

## Apa itu Istidraaj?

- Tidak sembahyang tetapi rezeki lancar dan berlipat ganda
- Berjaya dalam hidup walaupun sentiasa bergelumang dengan kemaksiatan.
- Tidak berpuasa tetapi rumah mewah.
- Tidak membayar zakat tetapi mudah naik pangkat.
- Derhaka kepada kedua ibu bapa tetapi hidup senang dengan limpahan wang ringgit.

# Isi Kandungan

|                          |           |  |  |
|--------------------------|-----------|--|--|
| <b>TINTA PENGARANG</b>   | <b>1</b>  | Ni'mat Bertambah Iman Menurun                  |  |
| <b>TITAH</b>             | <b>2</b>  | Hikmah di Sebalik Ujian                        |  |
| <b>PERSPEKTIF ISLAM</b>  | <b>5</b>  | Tafsir Al-Qur'an Versi Brunei Darussalam       |  |
| <b>FOKUS</b>             | <b>10</b> | Kenikmatan Rezeki Ke Arah Kebinasaan           |  |
| <b>KHUTBAH JUMAAT</b>    | <b>15</b> | Berwaspada Terhadap Istidraaj                  |  |
| <b>MUTIARA HADITS</b>    | <b>19</b> | Istidraaj Ni'mat atau Azab                     |  |
| <b>TAFSIR HUKUM</b>      | <b>22</b> | Al-Qur'an Kalamullah                           |  |
| <b>TETAMU</b>            | <b>25</b> | Istidraaj                                      |  |
|                          |           |  |  |
| <b>SYURGA DAN NERAKA</b> | <b>32</b> | Kenali Syurga dan Neraka                       |  |
| <b>KENAL AL-QUR'AN</b>   | <b>37</b> | AL-Qur'an Kalamullah                           |  |
| <b>MUSLIMAH HEBAT</b>    | <b>39</b> | Aminah binti Wahab                             |  |
| <b>SUNNAH NABI</b>       | <b>42</b> | Percakapan dan Ketawa                          |  |
| <b>IKTIBAR</b>           | <b>46</b> | Nabi Hud ' <i>Alaihissalam</i> dengan Kaum 'Ad |  |
| <b>MUHASABAH</b>         | <b>51</b> | Kita Pasti Diuji                               |  |
| <b>TITIK TERAKHIR</b>    | <b>54</b> | Adab Menziarahi Orang dalam Keadaan Nazak      |  |
| <b>NUKILAN PENA</b>      | <b>57</b> | Dinamika Manusia dalam Tulis Baca              |  |

## REDAKSI AL-HUDA

**Penasihat**  
Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh  
Pengarah Pusat Da'wah Islamiah

**Penolong Penasihat**  
Abdul Aziz bin Haji Abdul Kahar  
Penoong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah

**Ketua Penerbit**  
Hajah Ruzaimah binti Haji Ibrahim

**Penolong Ketua Penerbit**  
Hajah Suriyati binti Haji Ahmed

**Penyelaras**  
Hajah Ratna Wati binti Haji Abdul Karim

**Pembantu Penyelaras**  
Qairunnisa binti Haji Jalil  
Mohamad Zelihan bin Ahad  
Rokiah binti Haji Mohamad Serudin  
Azizah binti Hidup  
Suriati binti Haji Ali Hussin  
Dayang Hayatun Syakirah binti Haji Awang  
Abdul Ghani

**Penyemak Ayat al-Qur'an & Hadits**  
Ramlee bin Haji Kassim

**Rekabentuk & Aturhuruf**  
Dahlan bin Chuchu

**Pembahagi Majalah**  
Pg. Md. Rafiuddin bin Pg. Hj. Badaruddin  
Nurul Nabilah binti Masri

**Pencetak**  
EZY Printing Services & Trading Co.

**Terbitan**  
Pusat Da'wah Islamiah  
Kementerian Hal Ehwal Ugama  
Kampung Pulaie, Jalan Pusat Dakwah BB4310  
Negara Brunei Darussalam

# Awas Istidraaj Dari Allah

Dari 'Uqbah bin 'Amir Radhiallahu 'anhu,  
Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda  
yang bermaksud:

*"Bila kamu melihat Allah memberi pada hamba  
dari (perkara) dunia yang diinginkannya, padahal  
dia terus berada dalam kemaksiatan kepada-Nya,  
maka (ketahuilah) bahawa hal itu adalah istidraaj  
(jerat berupa ni 'mat yang disegerakan)  
dari Allah."*

(Hadits Riwayat Imam Ahmad)





# Ni'mat Bertambah Iman Menurun

إِنَّمَا أَمْرُهُ إِذَا أَرَدَ شَيْئًا فَيَقُولُ لَهُ كُنْ فَيَكُونُ ﴿٨٢﴾

Sesungguhnya urusannya ialah apabila Dia menghendaki sesuatu,  
Dia hanya berfirman kepadanya: "Jadilah," lalu ia pun jadi.

(Surah Yaasiin: 82)

Dalam kalangan kita ada yang diuji dengan pelbagai pemberian ni'mat yang sangat mencukupi, namun dirinya berterusan melakukan dosa, maksiat dan ingkar akan perintah Allah Subhanahu wa Ta'ala dan ada pula sebahagian yang lain merupakan manusia yang taat akan suruhan Allah Subhanahu wa Ta'ala tetapi hidup dalam kesempitan dan kesusahan. Allah Subhanahu wa Ta'ala Maha Berkuasa melakukan apa saja yang dikehendaki-Nya sepertimana yang tercatat dalam surah Yaasiin ayat 82.

Bagi golongan pertama iaitu pemberian ni'mat Allah Subhanahu wa Ta'ala kepada mereka, pemberian itu sebenarnya tidak diredhai oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala. Dalam keadaan inilah yang dinamakan *Istidraaj*. Manusia yang diuji dengan *istidraaj* akan memperoleh berbagai ni'mat dunia dalam bentuk kekayaan, kejayaan, gelaran dan sanjungan. Kemurahan Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam bentuk *istidraaj* merupakan kemurkaan Allah Subhanahu wa Ta'ala tanpa disedari, jauhilah sikap kita untuk menggunakan setiap ni'mat yang diberikan ke arah kemungkaran.

Bagi yang sedang diuji dengan kesempitan hidup, yakinlah ni'mat Allah Subhanahu wa Ta'ala akan datang dalam berbagai bentuk dan pada waktu yang tepat kerana Allah Subhanahu wa Ta'ala tidak sesekali menzalimi hamba-Nya yang beriman.

وَلَا يَظْلِمُ رَبِّكَ أَحَدًا ﴿٤٩﴾

...Dan Tuhanmu tidak menzalimi seorang juga pun.  
(Surah al-Kahfi: 49)



# HIKMAH Di Sebalik Ujian



**Titah**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda  
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni  
Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,  
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad  
*Shallallahu 'alaihi wa sallam*  
Bagi Tahun 1443H/2021M

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَبِهِ نَسْتَعِينُ عَلَىٰ أُمُورِ الدُّنْيَا وَالدِّينِ

وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَنْبِياءِ وَالْمُرْسَلِينَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ إِلَيْهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ وَبَعْدُ،

Beta bersyukur kehadhrat Allah *Subhanahu wa Ta'ala* kerana dengan izin-Nya  
jua telah menyampaikan kita ke bulan yang bersukut istimewa, Rabiul Awwal,  
bulan diputerakan Junjungan Besar kita, Saiyidina Muhammad *Shallallahu 'alaihi  
wa sallam*.

Dengan kehendak Allah *Subhanahu wa Ta'ala* jua, kita buat pertama kalinya tidak akan meraikan Sambutan Maulidur Rasul *Shallallahu 'alaihi wa sallam* secara berhimpun beramai-ramai kerana penularan wabak *corona virus*. Namun kita masih saja dapat menyambutnya dengan cara yang bersesuaian dengan keadaan.

Ini tidak syak lagi adalah satu ujian berat yang belum pernah belaku. Namun kita selaku umat yang berakidah, wajiblah melihatnya sebagai ada hikmah di sebalik itu. Tetapi kita sesungguhnya tidaklah tahu hakikat hikmah. Kerana itulah Allah berfirman dalam surah al-Baqarah ayat 216 bagi memberitahu kita akan kedudukan hikmah itu:

وَعَسَىٰ أَن تَكُونُوا شَيْئاً وَهُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ  
وَعَسَىٰ أَن تُحِبُّو شَيْئاً وَهُوَ شَرٌّ لَّكُمْ وَاللَّهُ يَعْلَمُ  
وَأَنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿٢١﴾

#### Mafhumnya:

*...Dan boleh jadi kamu tidak menyukai kepada sesuatu padahal ia baik bagi kamu dan boleh jadi kamu menyukai sesuatu padahal ia buruk bagi kamu. Dan Allah mengetahui sedang kamu tidak mengetahui.*

Inilah pegangan yang betul untuk dipegang. Kita tidak dapat lari dari apa jua yang ditentukan oleh Allah, dan setiap ketentuan-Nya itu pastinya ada mengandungi hikmah.

Kita wajib mempunyai "sangkaan baik" terhadap Allah. Apa-apa jua yang ditentukan oleh-Nya adalah semua itu baik untuk kita. Kerana sesungguhnya Allah itu tidak pernah menzalimi sesiapa. Jika Dia mendatangkan satu-satu ujian, adalah ujian itu bukannya satu penyaliman, tetapi mungkin satu pengajaran atau sebagai cara untuk Dia (Allah) menambahkan lagi darjat seseorang, sekiranya seseorang yang diuji itu sanggup bersabar menerima ujian tersebut.

Demikianlah yang patut kita fahami mengenai satu-satu situasi yang berlaku. Namun untuk menghadapinya, kita tidak dikehendaki diam, tetapi disuruh untuk berikhtiar bagi memperolehi sesuatu yang terbaik.

Apakah jenis ikhtiar yang afdhal untuk kita lakukan? Jika merujuk kepada al-Qur'an dan al-hadits, ikhtiar yang afdhal itu ialah "doa". Kita disuruh berdoa, samada dalam senang atau dalam susah. Kita berdoa dalam senang, supaya dikekalkan kesenangan dan berdoa dalam susah, supaya dihapuskan kesusahan.

Salah satu jenis doa atau jenis zikir yang sangat tajam untuk menyampaikan hajat kita ialah "Selawat" ke atas Nabi kita, Saiyidina Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam*.

Maka bersempena dengan kita menyambut Maulid Ar-Rasul ini, sangatlah wajar untuk kita

membanyakkan selawat ke atas Baginda, sebagai doa dan zikir untuk melepaskan atau membebaskan kita daripada musibah *corona virus*.

Beta berharap, di samping meneruskan rancangan berupa bacaan-bacaan ayat suci al-Qur'an, doa dan zikir yang sedang berjalan pada masa ini, maka khusus untuk sepanjang bulan Rabiulawal ini, rancangan "Selawat" eloklah dibanyakkan dan lebih dikerapkan kemunculannya. Sementara orang ramai pula secara bersendirian janganlah ketinggalan untuk sama-sama mengamalkannya. *In syaa Allah*, dengan berkat dan *syafa'at* Nabi *Shallallahu 'alaihi wa sallam*, Brunei Darussalam akan bebas dan bersih daripada wabak *corona virus*. Aamiin. *Allahumma Aamiin.* ●

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَا،  
وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

“  
*Salah satu jenis doa atau  
jenis zikir yang sangat tajam  
untuk menyampaikan hajat  
kita ialah "Selawat" ke atas  
Nabi kita, Saiyidina Muhammad  
"Shallallahu 'alaihi wa sallam.*”



# Tafsir Al-Qur'an Versi Brunei Darussalam



Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang  
Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman,  
Menteri Hal Ehwal Ugama

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَبِهِ نَسْتَعِينُ عَلَىٰ أُمُورِ الدُّنْيَا وَالْدِينِ  
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ سَيِّدُنَا مُحَمَّدٌ وَعَلَىٰ ءَالِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Nama majlis ini tepat sekali melatarbelakangi usaha yang telah dibuat bagi menerbitkan tafsir al-Qur'an versi yang dihasilkan oleh Brunei Darussalam.

Bermula seawal tahun tujuh puluhan lagi Bahagian Penerangan dan Tabligh, Jabatan Hal Ehwal Ugama ketika itu telah mengusahakan rancangan ceramah Tafsir

al-Qur'an di radio. Ia dilakukan secara mengaturkan pegawai-pegawai lepasan al-Azhar untuk menulis dan seterusnya merakam untuk ceramah radio. Mereka juga diaturkan menceramahkan tafsir di Masjid Omar 'Ali Saifuddien. Naskhah-naskhah tafsir yang mereka tulis dan ceramahkan itu dikumpulkan dan disunting untuk disesuaikan bagi terbitan bersiri dalam bentuk majalah yang dikenali dengan Siri Tafsir Darussalam. Terbitan sulungnya ialah pada tahun 1972. Sehingga ke tahun 1986 ia telah diterbitkan sebanyak 114 siri oleh Bahagian Penerangan dan Tabligh, Jabatan Hal Ehwal Ugama. Usaha sedemikian itu diteruskan dengan baiknya oleh Pusat Da'wah Islamiah apabila Bahagian Penerangan dan Tabligh diserapkan ke dalamnya. Dan setakat ini Pusat Da'wah Islamiah telah berjaya menerbitkannya sehingga ke siri 13 iaitu sehingga juz ke-22 al-Qur'an (Surah ash-Shaaffaat).

Sementara itu pada tahun 1994 Pusat Da'wah Islamiah telah juga menyiapkan terjemahan 30 juz al-Qur'an yang



Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahan 30 Juz al-Qur'an

diungkayahkan semenjak tahun 1987 oleh beberapa orang pegawai khasnya pegawai-pegawai muda lepasan al-Azhar ketika itu. Terjemahan tersebut dinamakannya Tafsir 30 juz dan telah selesai disemak dalam tahun 1997 oleh pegawai-pegawai utama dan pegawai-pegawai akademik Institut Pengajian Islam (IPI). Dan dengan kerjasama erat Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan ia telah siap ditaipset bagi persiapan untuk diterbitkan oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri.

Maka jelaslah bahawa pada masa ini di tangan Kementerian ini sudah sedia ada dua set tafsir al-Qur'an. Set pertama ialah hasil susunan berupa naskhah ceramah yang diterbitkan bersiri yang setakat ini telah mentafsirkan 22 juz al-Qur'an. Set kedua pula ialah tafsir terjemahan 30 juz yang siap dengan *dhabit* yang menjelaskan secara ringkas maksud sesetengah ayat al-Qur'an dan telah siap ditaipset.

Kedua-dua set itu, *alhamdulillah*, adalah hasil anak-anak Brunei yang beruntung menjadi rakyat yang berpendidikan Islam secara formal sehingga ke Universiti al-Azhar.

Kedua-dua set tafsir tersebut apabila terbit dan tersebar nanti, *In syaa Allah*, ianya merupakan tafsir al-Qur'an versi negara ini yang akan turut menambah banyak lagi bahan rujukan memahami kandungan al-Qur'an, di samping

kitab-kitab tafsir yang *mu'tabar* yang sedia ada iaitu sebagaimana yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan menerusi titah baginda di Majlis Musabaqah Tilawah al-Qur'an bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan pada 24 Mei 2007.

Untuk menjadikannya suatu kenyataan, yakni menerbitkannya dan mensetarafkannya dengan kitab-kitab tafsir yang *mu'tabar*, khasnya yang berbahasa Melayu/Indonesia dari segi mutu isi tafsir dan mutu aspek penerbitan maka Kementerian telah menukuhkan beberapa kumpulan kerja.

Kumpulan kerja yang utama ialah kumpulan yang akan membuat semakan akhir ke atas tafsir terjemahan 30 juz yang telah siap disusun dan ditaipset itu. Semakan akhir itu meliputi penelitian ke atas terjemahan sambil menyelaraskan bagi maksud keseragamannya.

Demikian juga penelitian ke atas *dhabit* sesetengah ayat bagi memastikan ianya dari sumber yang *mu'tabar* terutama yang melibatkan petikan hadits Nabi *Shallallahu 'alaihi wa sallam*. Mendampingi kumpulan yang utama ini akan bekerja sepenuh masa selama enam bulan yang secara rasminya bermula hari ini. Serentak dengan kerja penyemakan akhir dan penulisan tentang al-Qur'an serta mengindekskan itu ialah kumpulan sokongan yang berkemahiran teknologi komputer dan

maklumat. Mereka menyalin secara langsung hasil semakan akhir dengan taipset huruf rumi kaedah ejaan transliterasi dan aksara ayat al-Qur'an Mushaf Brunei Darussalam.

Satu lagi kumpulan ialah yang akan memberi tumpuan sepenuh masa menyusun semula atau mengedit kandungan Tafsir Darussalam yang telah diterbitkan secara bersiri itu dan menyudahkan baki lapan juz al-Qur'an yang belum ditafsirkan. Penyusunan semua adalah penting dibuat kerana kandungan tafsir yang diterbitkan itu adalah tulisan atau susunan oleh masing-masing penulisnya dengan sedikit penyelarasan oleh penyunting sebelum diterbitkan. Ia bagi maksud keseragaman terjemahan dan tafsiran bagi keseluruhan ayat-ayat di samping untuk mengemaskin penulisannya bagi menepati kaedah dan *format* penulisan kitab tafsir. Mereka diberi masa setahun untuk menyiapkan naskhah pertama kitab yang akan dinamakan Huraian Tafsir Darussalam.

Serentak dalam masa setahun itu secara bertahap mereka akan menyerahkan hasil kerja bagi semakan akhir oleh kumpulan penyemak yang didampingi oleh kumpulan sokongan untuk salinan bagi persediaan untuk diterbitkan.

Ringkasnya, Kementerian akan menyempurnakan kerja-kerja penyemakan dan penyusunan dua set kitab tafsir yang akan diterbitkannya.

Kitab pertama ialah Tafsir Darussalam terjemahan 30 juz, iaitu tafsir ringkas makna ayat-ayat al-Qur'an dengan keterangan bagi sesetengah ayatnya. Ia dihasratkan dengan izin Allah jua, siap dicetak pada pertengahan tahun depan.

Kitab kedua ialah tafsir lengkap ayat-ayat al Qur'an yang menghuraikan kandungan maknanya dan latar belakang ayat-ayatnya yang tertentu. Ia dinamakan kitab Huraian Tafsir Darussalam yang akan diterbitkan dalam beberapa jilid. *In syaa Allah jika tidak ada gundalanya, ia dihasratkan terbit dalam jangka waktu lima tahun.* *Alhamdulillah,* usaha Kementerian ini mendapat kerjasama teknikal daripada dua agensi yang masing-masing *competent* di bidang masing-masing; Jabatan Percetakan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri bagi ehwal percetakan, Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan bagi ehwal penerbitan. Ini namanya kerja *bahaum-aum*. Kita melakukannya dengan sepenuh hati demi menyempurnakan tugas keagamaan kita, yang terutama sekali ialah menyahut firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah an-Nahl ayat: 89:

وَنَزَّلْنَا عَلَيْكَ الْكِتَابَ تِبْيَانًا لِكُلِّ شَيْءٍ  
وَهُدًى وَرَحْمَةً وَنُشْرِئُ لِلنَّاسِ مِنَ الْمُسْلِمِينَ ﴿٨٩﴾

**Mafhumnya:**

*...Dan Kami menurunkan kepadamu Kitab (al-Qur'an) untuk menjelaskan segala sesuatu dan petunjuk serta*

*rahmat dan khabar gembira bagi orang-orang Islam.*

Kedua surah Shaad: 29:

كَذَّبُوا أَنْزَلْنَا إِلَيْكَ مُبَرَّكُ لِيَدَبُرُوا إِيمَانَهُ  
وَلَيَتَذَكَّرُ أَفُلُوا الْأَلْبَابُ ﴿٢٩﴾

**Mafhumnya:**

*(Al-Qur'an ini ialah) sebuah kitab yang Kami telah turunkan kepadamu (wahai Nabi Muhammad), yang mengandungi berkat supaya mereka memikirkan dengan teliti kandungan ayat-ayatnya dan supaya orang-orang yang mempunyai akal dapat mengambil pengajaran.*

Ketiga surah al-Furqaan: 1

تَبَارَكَ الَّذِي نَزَّلَ الْفُرْقَانَ عَلَى عَبْدِهِ لِيَكُونَ  
لِلْعَالَمِينَ نَذِيرًا ﴿١﴾

**Mafhumnya:**

*Maha Suci Allah yang menurunkan al-Furqan (yang membezakan antara yang benar dengan yang salah) kepada hamba-Nya (Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam) untuk menjadi peringatan bagi sekalian alam.*

Tentulah kitab tafsir yang kita ungkayahkan sekarang akan menyumbang kepada maksud Allah menurunkan al-Qur'an menjelaskan tiap-tiap sesuatu; meraih sebanyak mungkin faedahnya; menyampaikan peringatan dan amaran bagi seluruh penduduk alam.

Maka tepat sekali kita memulakan ungkayah besar ini dengan sama-sama berdoa untuk keselamatannya dalam makna ianya telepas dari sebarang aral gundala yang tidak teratas oleh kita; keselamatan dalam makna sekalian yang terlibat dalam ungkayah ini akan mendapat ‘inayah Allah, tekun dan tabah serta bersih hati dan lurus niat bahawa kita melakukan semua ini selaku hamba-Nya demi khidmat bakti kepada kecemerlangan dan keutuhan Islam yang kita pohonkan izin-Nya supaya kita sekalian, Brunei dan segenap isinya akan terus menerus beroleh berkat dari Islam yang utuh lagi cemerlang itu.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَا،  
وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ



# Kenikmatan Rezeki Ke Arah Kebinasaan

وَابْتَغُ فِيمَا ءاَتَكَ اللَّهُ اَلَّا رُاً الْآخِرَةَ وَلَا تَنْسِ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا وَاحْسِنْ  
كَمَا اَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ وَلَا تَبْغُ الْفَسَادَ فِي الْأَرْضِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ ﴿٧٧﴾

## Mafhumnya:

*“Dan carilah (pahala) negeri Akhirat dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu dan janganlah engkau melupakan bahagianmu daripada (kenikmatan) dunia. Dan berbuat baiklah sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu serta janganlah engkau melakukan kerosakan di bumi, sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang melakukan kerosakan.”*

**(Surah al Qashash: 77)**

*Istidraaj* tidak datang dengan tiba-tiba. Allah Subhanahu wa Ta’ala menimpaikan *istidraaj* kepada manusia disebabkan oleh perbuatan dan sikap hamba-Nya itu sendiri yang menjerumuskan mereka iaitu dengan keangkuhan limpahan harta yang diberikan oleh Allah Subhanahu wa Ta’ala, dengan sifat kufur mereka terhadap ni’mat Allah, mendustakan ayat-ayat Allah Subhanahu wa Ta’ala dan menjadi hamba dunia dalam hati dan jiwa mereka. Di dalam al-Qur'an banyak sekali kisah-kisah

yang diceritakan mengenai kaum-kaum dan individu yang terdahulu ingkar dan diazab oleh Allah Subhanahu wa Ta’ala. Penceritaan al-Qur'an mengenai kisah-kisah *istidraaj* ini dapat dilihat pada individu yang bernama Qarun, iaitu orang yang terkaya pada zaman Nabi Musa Alaihissalam. Dialah manusia yang mendapat *istidraaj* daripada Allah Subhanahu wa Ta’ala sehingga kematiannya pun tidak berpisah dengan harta yang dimilikinya.

Allah Subhanahu wa Ta'ala memperincikan kisah Qarun di dalam al-Qur'an melalui surah al-Qashash bermula ayat 76 hingga 82. Kisah ini menjadi bukti bahawa kesombongan melalui harta tidak akan kekal lama jika umat Islam tidak memahami kekayaan sebenar yang telah dianugerahkan dalam kehidupan di dunia ini yang sepatutnya digunakan dan meinfakkan ke jalan yang diredhai oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala.

Firman Allah dalam surah al-Qashash ayat 76-77:

إِنَّ قَرْوَنَ كَانَ مِنْ قَوْمٍ مُّسَيِّ فَبَغَىٰ  
عَلَيْهِمْ وَءَاهِنَهُ مِنَ الْكُنُزِ مَا إِنَّ مَفَاتِحَهُ  
لَتَنُو إِلَيْهِ أُولَئِي الْقُوَّةِ إِذْ قَالَ لَهُ قَوْمُهُ  
لَا تَنْفَرِحْ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْفَرَجِينَ ﴿٧٦﴾ وَأَبْتَغَ  
فِيمَا آتَاكَ اللَّهُ الدَّارُ الْآخِرَةُ وَلَا تَنْسَ  
نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا وَلَا حِسْنٌ كَمَا أَحَسَّ  
الَّهُ إِلَيْكَ وَلَا تَبْغِ الفَسَادَ فِي الْأَرْضِ  
إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ ﴿٧٧﴾

#### Mafhumnya:

*Sesungguhnya Qarun adalah daripada kaum Nabi Musa maka dia berlaku zhalim terhadap mereka, dan Kami telah mengurniakannya perbendaharaan harta yang kunci-kuncinya sangat berat untuk dipikul oleh orang-orang yang kuat. (Ingatlah) ketika kaumnya berkata kepadanya: "Janganlah engkau bermegah-megah (dengan harta kekayaanmu), sesungguhnya Allah tidak*

*suka orang-orang yang bermegah-megah. Dan carilah (pahala) negeri Akhirat dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu dan janganlah engkau melupakan bahagianmu daripada (kenikmatan) dunia. Dan berbuat baiklah sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu serta janganlah engkau melakukan kerosakan di bumi, sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang melakukan kerosakan.*

Perkara penting yang menjadi peringatan Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam ayat tersebut (surah al-Qashash: 76-77) ini adalah manusia mempunyai sikap terburu-buru dan tamak apabila direzekikan dengan sesuatu perkara. Mereka tidak bersyukur di atas kurniaan yang dilimpahkan kepada dirinya lalu harta itu tidak diinfakkan kepada mereka yang sepatutnya menerima hak. Begitulah Allah mendidik umat Islam di muka bumi ini untuk mengeluarkan zakat apabila tiba waktu dan haulnya.

Perkara kedua yang menambahkan lagi keangkuhan Qarun adalah kerana dia berbangga terhadap kekayaannya itu disebabkan ilmu yang ada pada dirinya. Firman Allah dalam surah al-Qashash ayat 78:

قَالَ إِنَّمَا أَوْتَيْتُهُ عَلَىٰ عِلْمٍ عَنِّي سَأَوْلَمْ يَعْلَمْ  
أَنَّ اللَّهَ قَدْ أَهْلَكَ مَنْ قَبْلَهُ مِنَ الْقَرُونِ مَنْ هُوَ  
أَشَدُّ مِنْهُ قُوَّةً وَأَكْثَرُ جُمْعًا وَلَا يُسْئَلُ عَنْ  
ذُنُوبِهِمُ الْمُجْرُمُونَ ﴿٧٨﴾

### **Mafhumnya:**

*Qarun berkata: "Sesungguhnya aku memperolehi harta kekayaan itu semata-mata kerana ilmu yang ada padaku." Tidakkah dia mengetahui bahawa Allah telah membinasakan umat-umat sebelumnya yang lebih kuat daripadanya dan lebih banyak mengumpulkan harta kekayaan? Dan orang-orang yang berdosa itu tidak perlu lagi ditanya tentang dosa-dosa mereka (kerana Allah sedia mengetahui mengenainya).*

Mereka yang dikurniakan kekayaan harta seharusnya tidak selesa dengan kekayaan mereka di dunia ini kerana Allah sentiasa memberi peringatan bahawa kejayaan hakiki itu hanya di akhirat kelak. Orang yang memiliki kekayaan dunia tidak akan kekal selama-lamanya kecuali mereka memahami tujuan kekayaan mereka itu dengan merebut peluang di dunia dengan memperbanyakkan amalan yang memperolehi pahala untuk bekalan di akhirat juga, harta kekayaan juga membolehkan individu untuk meraih syurga Allah Subhanahu wa Ta'ala dengan melakukan amal salih, amal kebaikan, amal kebaikan untuk kepentingan di akhirat kelak.

Ketamakan Qarun dengan hartanya ini tidak terhenti di situ malah diakui oleh pengikut-pengikutnya. Sikap mendabik dada ini mengingatkan kepada manusia agar berhati-hati dengan jawatan, pangkat dan kedudukan yang mulia diberikan Allah kepada kita. Manusia

seringkali diuji dengan kedudukan yang baik malah memberikan gambaran bahawa kehidupan yang senang itu adalah anugerah sedangkan mereka tidak memahami setiap kelebihan itu juga adalah ujian untuk mereka.

Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam surah al-Qashash ayat 79-80:

فَخَرَجَ عَلَىٰ قَوْمٍ فِي زِينَةٍ ۖ قَالَ الْذِينَ  
يُرِيدُونَ الْحَيَاةَ الدُّنْيَا يَأْتِيَنَّا مِثْلَ  
مَا أَوْتَيْنَا قَرُونَ ۚ إِنَّهُ لَذُو حَظٍ عَظِيمٍ  
۝ وَقَالَ الَّذِينَ أَوتُوا الْعِلْمَ وَيَكُونُ ثَوَابُ  
اللَّهِ خَيْرٌ لِمَنْ ءَامَنَ وَعَمِلَ صَلِحًا  
۝ يُلْقَاهُ إِلَّا الصَّابِرُونَ ۝

### **Mafhumnya:**

*Maka keluarlah Qarun kepada kaumnya dengan memakai perhiasannya. Orang-orang yang menginginkan kesenangan hidup di dunia berkata: "Alangkah baiknya kalau kita ada harta kekayaan seperti yang diperolehi Qarun, sesungguhnya dia ialah orang yang beruntung besar." Dan orang-orang yang diberikan ilmu berkata: "Celakalah kamu! Pahala daripada Allah lebih baik bagi orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan salih, dan pahala itu tidak akan diperolehi melainkan oleh orang-orang yang sabar."*

### **Balasan pada Qarun**

Kisah Qarun dalam surah al-Qasas diakhiri dengan kemurkaan Allah

*Subhanahu wa Ta'ala* iaitu dengan menenggelamkan Qarun bersama harta-hartanya yang melimpah ruah ke dalam bumi.

Firman Allah lagi dalam surah al-Qashash ayat 81:

فَسَفَّتْ أَبِيهِ وَبِدَارِهِ الْأَرْضَ فَمَا كَانَ لَهُ  
مِنْ فِتْنَةٍ يَنْصُرُهُ مِنْ دُونِ اللَّهِ وَمَا كَانَ  
مِنَ الْمُنْصَرِينَ ﴿٨١﴾

#### Mafhumnya:

*Lalu Kami membenamkan dia bersama-sama rumahnya (dan segala harta kekayaannya) ke dalam bumi maka tidaklah ada baginya satu golongan pun yang boleh menolongnya selain daripada Allah dan dia pula tidak dapat menolong dirinya sendiri.*

Gambaran kisah Qarun menunjukkan bahwa dirinya sangat sompong, zalim, derhaka kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, bakhil, dan tidak memiliki pemikiran yang waras dengan kekayaannya. Perbuatan Qarun tidak patut dicontohi oleh sesiapa pun. Peristiwa ini memberi kita pelajaran bahawa harta yang banyak belum tentu mampu membawa kita dengan keberkatan hidup apabila tidak disyukuri dan dibayarkan zakat, bahkan mendorong kita kepada azab yang sangat pedih yang sepatunya dijauhi.

Kenyataannya pada hari ini banyak orang yang diberi ujian dengan kekayaan,

sedangkan mereka susah untuk bersyukur bahkan merasa sompong dan angkuh kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Maka, janganlah kita menyangka bahawa ujian itu hanyalah berupa kemiskinan, kekurangan, sakit dan yang sebandingnya karena kenikmatan, kebaikan, kelebihan dan kemewahan juga merupakan ujian dari Allah. Sebagaimana firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah al-Anbiya' ayat 35:

كُلُّ نَفْسٍ ذَآيَةٌ عَوْنَاقُ الْمَوْتِ وَبَنْلُوكُمْ بِالشَّرِّ  
وَلُلْحَيْرِ فِتْنَةٌ وَلَيْنَا تُرْجَعُونَ ﴿٢٥﴾

#### Mafhumnya:

*Tiap-tiap yang bernyawa akan merasai mati dan Kami menguji kamu dengan kesusahan dan kesenangan sebagai cubaan, dan kepada Kamilah kamu akan dikembalikan (untuk dihisab dan menerima balasan).*



Seharusnya kita beringat dan sentiasa mengingati sesama kita iaitu dengan kekayaan harta dapat membuat seseorang itu merasa angkuh dan sompong, mereka lupa akan adanya kebinasaan dari Allah Subhanahu wa Ta'ala sepetimana tercatat dalam surah al-Qashash ayat 58:

وَكُلُّ أَهْلِكُنَا مِنْ قُرْيَةٍ بَطَرَتْ مَعِيشَهَا  
فَتِلْكَ مَسَكِنُهُمْ لَمْ تُسْكِنْ مِنْ بَعْدِهِمْ إِلَّا  
قَبِيلًاً وَكُلُّ نَانَحٌ أُورَثَيْنَ  
٥٨

### Mafhumnya

Dan betapa banyaknya penduduk negeri yang berlaku sompong dan tidak mensyukuri kehidupan mereka (yang mewah) telah Kami binasakan. Maka tempat-tempat tinggal mereka itu terbiar tidak didiami lagi sesudah mereka (dibinasakan) kecuali sebentar sahaja (bagi orang-orang yang melintasinya) dan sesungguhnya Kamilah yang mewarisi tempat itu.





# BERWASPADA TERHADAP ISTIDRAAJ

Muslimin yang dirahmati Allah,

**BERTAQWALAH** kita kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dengan sebenar-benar taqwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepadanya. Sesungguhnya orang yang paling mulia disisi Allah *Subhanahu wa Ta'ala* itu ialah orang yang paling bertaqwah. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman dalam surah al-Anbiyyaa' ayat 35:

وَلِنَفْسٍ ذَاقَتُهُ الْمَوْتُ وَنَبْلُوكُمْ بِالشَّرِّ  
وَلُخْرِيْرٌ فِتْنَةٌ وَلَيْنَا تَرْجُمُونَ ﴿٢٥﴾

**Mafhumnya:**

Tiap-tiap yang bernyawa akan merasai mati dan kami menguji kamu dengan

kesusahan dan kesenangan sebagai cubaan, dan kepada Kamilah kamu akan dikembalikan (untuk dihisab dan menerima balasan).

Jemaah yang dirahmati Allah,

Ujian dan dugaan daripada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* kepada manusia itu bukan hanya sekadar datang dalam bentuk kesusahan ataupun kesedihan

semata-mata seperti kemiskinan, kesakitan atau kehilangan nyawa. Bahkan ujian dan dugaan itu juga boleh datang melalui kebahagiaan dan kesenangan seperti limpahan kemewahan yang merangkumi kesihatan, kekayaan dan seumpamanya. Semua ini dikurniakan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* kepada manusia adalah untuk melihat sama ada kita akan menjadi hamba Allah *Subhanahu wa Ta'ala* yang tahu bersyukur ataupun menjadi hamba yang kufur dengan segala ni'mat yang telah dikurniakan Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Sesungguhnya ujian dan dugaan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berupa kemewahan dan kesenangan itu sering saja disalahgunakan dan menjadikan para penerimanya lalai dan alpa, sehingga ada di antara kemewahan dan kesenangan itu tenggelam dalam ni'mat-ni'mat tersebut. Kita terbuai dan kita terpesona dengan tipu daya dunia sehingga tanpa kita sedari, ni'mat-ni'mat itu telah menjauhkan diri kita daripada mengingati Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan mendekatkan diri kita kepada *istidraaj*.

#### Jemaah yang dirahmati Allah,

*Istidraaj* adalah ujian yang berbentuk muslihat ataupun perangkap iaitu ni'mat kesenangan yang Allah *Subhanahu wa Ta'ala* kurniakan kepada orang-orang yang lalai serta tidak taat akan perintah dan larangan Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* dalam hadits baginda ada menyebutkan mengenai *istidraaj* iaitu mengenai orang-orang yang sentiasa berada dalam keadaan maksiat akan tetapi pelaku maksiat itu sentiasa dilimpahkan ni'mat berbentuk kesenangan, kekayaan dan kemewahan dalam kehidupannya. Imam Ahmad telah meriwayatkan dalam sebuah hadits daripada Ukib bin Umar *Radhiallahu 'anhu* berkata bahawa Nabi *Shallallahu 'alaihi wa sallam* telah bersabda yang bermaksud: *Jika kamu melihat Allah memberikan dunia kepada seorang hamba pelaku maksiat dengan sesuatu yang ia sukai, maka sesungguhnya itu hanyalah merupakan istidraaj.*

Sesungguhnya manusia itu sering saja diuji dengan *istidraaj*. Sebagai contoh, ketika Allah *Subhanahu wa Ta'ala* membiarkan kita sengaja meninggalkan sembahyang, membiarkan kita sengaja meninggalkan puasa, membiarkan kita melakukan dosa dan maksiat serta membiarkan kita mengabaikan perintah dan larangan Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Namun demikian, Allah *Subhanahu wa Ta'ala* tetap memberi kita kelancaran dan kecukupan dari segi kesihatan, kesenangan dan seumpamanya sehingga kita dapat menjalani kehidupan dengan baik. Sesungguhnya kelancaran rezeki yang kita terima itu boleh saja merupakan ujian daripada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* yang dinamakan *istidraaj* itu.

## Jemaah yang dirahmati Allah,

*Istidraaj* itu tidak datang dengan tiba-tiba. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menimpakan *istidraaj* itu kepada umat manusia disebabkan oleh perbuatan dan sikap manusia itu yang ingkar dan kufur terhadap ni'mat Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Sebagai umat Islam, kita hendaklah sentiasa memperbanyakkan rasa syukur kehadrat Allah *Subhanahu wa Ta'ala* atas segala kurnia ni'mat yang telah kita perolehi selama ini dan terus menerus mengerjakan segala suruhan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan meninggalkan segala larangan-Nya. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* telah berjanji akan menambah lagi ni'mat yang telah dikurniakan kepada hamba-hamba-Nya yang bersyukur dan sentiasa berlaku taat kepada-Nya, akan tetapi jika mereka mengkufuri ni'mat tersebut, menderhaka, meninggalkan suruhan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan melakukan segala larangan-Nya, maka buruklah balasannya di dunia dan juga di akhirat. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman dalam surah Ibrahim ayat 7:

وَإِذْ تَأْذَنَ رَبُّكُمُ الَّذِينَ شَكَرُوا نُحُوكُمُ لَأَزِيدَنَّكُمْ  
وَلَيْسَ كَفُورٌ مِّنَ إِنَّ عَذَابِ لَشَدِيدٌ

## Mafhumnya:

Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu (dengan sejelas-jelasnya): Demi sesungguhnya jika kamu bersyukur (terhadap segala nikmat-Ku) tentu Aku

akan menambah ni'mat itu kepada kamu dan demi sesungguhnya jika kamu kufur (terhadap ni'mat itu) maka sesungguhnya azab-Ku sangat keras.

Dalam al-Qur'an, Allah *Subhanahu wa Ta'ala* telah memberikan kita peringatan dan contoh yang jelas mengenai *istidraaj* untuk kitajadikan sebagai teladan dan sempadan seperti kisah Fir'aun yang ditenggelamkan bersama-sama pengikutnya di laut Merah dan kisah Qarun yang ditanam Allah *Subhanahu wa Ta'ala* bersama rumahnya dan segala harta kekayaannya ke dalam perut bumi.

Fir'aun dan Qarun telah diberikan kesihatan, kesenangan dan kekayaan yang melimpah ruah, akan tetapi ni'mat duniawi telah menjadikan diri mereka zalim, sompong, angkuh dan bongkak. Akhirnya, mereka telah dibinasakan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

## Jemaah yang dirahmati Allah,

Antara perkara yang dapat kita lakukan bagi menghindari diri kita daripada *istidraaj* itu ialah:

- 1) Meningkatkan keimanan kehadhrat Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.
- 2) Mengerjakan amal salih.

Amal salih yang paling utama ialah ibadah. Antara ibadah yang terpenting dan termasuk dalam rukun Islam yang lima itu ialah mendirikan sembahyang,

mengerjakan ibadah puasa, menunaikan zakat dan mengerjakan ibadat haji bagi yang berkemampuan. Di samping itu, kita juga dianjurkan oleh agama kita untuk melakukan perkara-perkara sunat seperti bersedekah, memberikan pertolongan kepada saudara-saudara kita yang memerlukan dan bermacam-macam lagi.

Sesungguhnya amal ibadah itu hendaklah dijaga dan dipelihara dengan sebaik-baiknya dan ia tidak boleh dianggap remeh kerana amal ibadah itu secara umumnya adalah untuk menanam dan memperkuat keimanan ke dalam jiwa kita kehadrat Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

### 3) Berdoa agar terhindar dari *istidraaj*

Antara doa yang sering dibaca oleh Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* ialah sebagaimana disebutkan dalam sebuah hadits yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari, daripada Anas bin Malik *Radhiallahu 'anhu* yang bermaksud: "Ya Allah, Ya Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan peliharalah kami dari seksa api neraka."

Jemaah yang dirahmati Allah,

Berwaspada dan janganlah kita menjadi hamba Allah *Subhanahu wa Ta'ala* yang menjadi lalai dan alpa dengan segala kenikmatan dan kemewahan yang dikurniakan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* serta lupa daratan. Ini kerana sepatut-

nya semakin banyak Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menganugerahkan kepada kita nikmat-Nya, maka sepatutnya semakin bertambahlah pula rasa syukur kita kepada-Nya.

Oleh yang demikian, janganlah kita mempersia-siakan setiap ni'mat yang kita perolehi itu dengan melakukan perkara-perkara yang mengundang kemurkaan Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Mudah-mudahan dengan demikian, segala ni'mat yang dikurniakan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* itu akan diberkati dan menjadi asbab untuk menjadikan diri kita lebih dekat kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. *Amiin Ya Rabbal 'Alamiin*.

Firman Allah dalam surah al-An'am ayat 44:

فَلَمَّا نَسُوا مَا ذُكِرَ رُوْبِيَهُ فَنَحَنَا عَلَيْهِمْ  
أَبْوَابَ كُلِّ شَيْءٍ حَتَّىٰ إِذَا فَرَحُوا بِمَا أَوْتُوهُ  
أَخْدَنَاهُمْ بَغْتَةً فَإِذَا هُمْ مُبْلِسُونَ ﴿٤٤﴾

**Mafhumnya:**

Maka apabila mereka melupakan peringatan yang telah diberikan kepada mereka, kami pun membuka kepada mereka pintu-pintu segala sesuatu (ni'mat kesenangan dan kemewahan) sehingga apabila mereka bergembira dengan segala apa yang diberikan kepada mereka, kami timpakan mereka (bala bencana) secara mengejut maka ketika itu mereka pun berputus asa (daripada mendapat pertolongan dan rahmat Allah).



# ISTIDRAAJ

## Ni'mat Tetapi Azab

**H**adits riwayat Imam Ahmad daripada 'Uqbah bin 'Amir, dari Nabi *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda:

وَإِذَا رَأَيْتَ اللَّهَ يُعْطِي الْعَبْدَ مِنَ الدُّنْيَا عَلَى مَعَاصِيهِ مَا يُحِبُّ، فَإِنَّمَا هُوَ اسْتِدْرَاجٌ.

### Maksudnya:

Dan jika kamu melihat Allah memberikan dunia kepada seorang hamba pelaku maksiat dengan sesuatu yang ia sukai, maka sesungguhnya itu hanyalah merupakan istidraaj.

Ketentuan hukum Allah *Subhanahu wa Ta'ala* yang tidak berubah ke atas hamba-Nya ialah hukum *Istidraaj*. *Istidraaj* ialah pemberian ni'mat yang diberikan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* sebagai satu hukum sehingga melalaikan dan melupakan mereka tentang ibadah serta tidak mengingatkan kematian.

Allah *Subhanahu wa Ta'ala* telah memerintahkan kepada hamba-Nya untuk mentaati-Nya dan melaksanakan perintah-Nya.

Dia juga telah memperingatkan kepada hamba-Nya dari melakukan maksiat dan melanggar perintah-Nya. Apabila mereka mentaati-Nya, maka beruntunglah dan bahagialah baik di dunia atau pun di akhirat.

Apabila mereka mengingkari dan menolak perintah-Nya, Allah mengingatkan mereka dan memperingatkan mereka terhadap hukuman dari-Nya. Selepas itu Dia menimpa bencana dan pelbagai musibah untuk menyedari dan

mengembalikan mereka kepada-Nya dan mentaati-Nya.

Tetapi apabila mereka tetap lalai dan bersikap berpaling dari-Nya, meskipun Allah telah memperingatkan mereka, maka Dia akan mengganti sesuatu yang buruk menjadi baik, membiarkan mereka dalam sifat yang melampaui batas dan memberikan masa untuk mereka sehingga mereka semakin kafir dan *fajir* (melampaui batas), maka Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menimpakan mereka seksaan yang berat secara mendadak tanpa mereka sedari.

Inilah yang dimaksudkan *istidraaj* dari Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dengan memberikan kenikmatan dan kelalaian kepada orang-orang yang derhaka dan kufur kepada-Nya. Ini adalah ketentuan hukum Allah yang tidak akan berubah, yang berlaku bagi orang-orang yang menjauh dari-Nya.

Adapun *istidraaj* itu ada beberapa sebab ataupun tujuan ia dihukumkan kepada hamba-Nya dan antaranya ialah:

### **Memberi Masa untuk bertaubat**

Di antara sebab Allah memberikan *istidraaj* kepada hamba-Nya adalah untuk mengembalikan mereka agar bertaubat dan kembali taat kepada-Nya. Ini merupakan rahmat Allah kepada mereka sehingga Allah masih memberi mereka masa serta menimpakan perbagai bencana dan kesempitan kepada mereka supaya mereka sadar dan kembali taat kepadanya.

### **Menambah dosa**

*Istidraaj* kepada orang-orang kafir dan para pendosa adalah supaya mereka bertambah dosa dan kejahatannya sehingga Allah *Subhanahu wa Ta'ala* akan menambah hukuman untuk mereka.

Allah memberikan masa kepada orang-orang kafir dan menghukum mereka dalam bentuk *istidraaj* dari-Nya sehingga dosa mereka banyak. Selepas itu Allah akan menyegerakan azab untuk mereka.

### **Menambah kesesatan**

*Istidraaj* kepada orang-orang yang berdosa adalah untuk menambah kesesatan dan penyelewengan aqidah mereka. Ini merupakan hukuman untuk mereka dan akibat kerana memilih jalan sesat dan jauh dari-Nya.

*Istidraaj* itu tidak datang secara tiba-tiba, Allah menurunkan *istidraaj* itu kepada hamba-Nya disebabkan oleh perbuatan seseorang itu yang ingkar dan kufur terhadap ni'mat yang dikurniakan oleh-Nya. Sebagai umat Islam, hendaklah sentiasa memperbanyakkan rasa syukur kehadrat Allah atas segala kurnia ni'mat yang telah diperolehi selama ini dan terus menerus mengerjakan segala suruhan Allah dan meninggalkan segala larangan-Nya.

Apa yang perlu dilakukan oleh seorang itu bagi menghindari dari *istidraaj* ialah

meningkatkan keimanan kehadhrat Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan mengerjakan amal ibadah.

Amal ibadah yang paling utama dan yang terpenting serta termasuk dalam rukun Islam yang lima itu ialah dengan mendirikan sembahyang, mengerjakan ibadat puasa, menunaikan zakat dan mengerjakan ibadat haji bagi yang berkemampuan.

Begitu juga dengan sentiasa berdoa agar dapat dihindari dari *istidraaj*. Doa adalah perkara yang dapat mendekatkan diri kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Ianya juga satu ibadah yang menunjukkan ketaatan dan merendahkan diri kita kepada Allah serta berlindung kepada-Nya.

Doa sebagai satu perkara untuk memohon dan berserah diri kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Ianya sebagai tanda yang menunjukkan kelemahan dan kurang keupayaan seseorang itu serta satu pengakuan bahawa sesungguhnya Allah *Subhanahu wa Ta'ala* sahajalah yang berkuasa atas segalanya.

Hadits riwayat Imam al-Hakim, daripada Ali *RadiAllahu anhu*, Rasullullah *Shallallahu alaihi wa sallam* bersabda:

الدُّعَا سِلَاحُ الْمُؤْمِنِ، وَعِمَادُ الدِّينِ، وَنُورُ  
السَّمَاوَاتِ وَالأَرْضِ.

**Maksudnya:**

*Doa itu senjata orang mu'min, tiang agama dan cahaya langit dan bumi.*

Kesimpulannya melalui doa, keampunan, redha dan rahmat akan diperolehi jika dilakukan dengan bersungguh-sungguh dan ikhlas. Doa juga sebagai perisai untuk menghindari dari segala musibah, kesusahan begitu juga dengan *istidraaj*. Sebagaimana hadits riwayat Imam at-Tirmidzi, daripada Sulaiman berkata Rasulullah *Shallallahu alaihi wa sallam* bersabda:

لَا يُرِدُّ الْقَضَاءُ إِلَّا الدُّعَاءُ، وَلَا يَزِيدُ فِي الْعُمُرِ  
إِلَّا الْبُرُّ.

**Maksudnya:**

*Tiada yang boleh menolak qadha Allah kecuali doa dan tiada boleh menambah umur kecuali dengan berbuat amal kebajikan.*



## 'BENCI'

# Allah Pada Hamba-Nya

وَالَّذِينَ كَذَّبُوا بِمَا يَكْتَبُنَا سَنَسْتَدِرُ جُهُّهُمْ مِنْ حَيْثُ لَا يَعْلَمُونَ ﴿١٨٢﴾

*Dan orang-orang yang mendustakan ayat-ayat keterangan Kami, Kami akan menarik mereka beransur-ansur (ke arah kebinasaan) dengan cara yang mereka tidak ketahui.*

(Surah al-A'raaf:182)

Ni'mat Allah Subhanahu wa Ta'ala datang dalam pelbagai bentuk sama ada dari segi harta, rezeki, kesihatan dan sebagainya. Setiap ni'mat ini perlu disyukuri kerana ianya menjadikan diri kita lebih dekat dengan Allah Subhanahu wa Ta'ala bukan sebaliknya. Apabila kita berpaling dari Allah Subhanahu wa Ta'ala atas ni'mat yang telah dianugerahkan ini dan tidak mensyukurinya walaupun telah diperingatkan oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala maka Allah akan menundukkan waktu untuk mereka menerima hukuman. Allah Subhanahu wa Ta'ala akan membiarkan mereka dengan sikap mereka yang melampaui batas dan melapangkan mereka dengan melimpahkan lagi ni'mat kesenangan, kemewahan, kebahagian, ketenangan

yang berterusan sehingga mereka ini semakin jauh dari rahmat-Nya. Dalam keadaan ini maka Allah Ta'ala menimpa hukuman kepada mereka tanpa disedari.

*Istidraaj* adalah antara bentuk hukuman Allah yang paling ditakuti. Namun apakah *Istidraaj*? Istidraaj bermaksud satu keadaan hamba yang tidak taat malah sentiasa dalam keadaan lalai dan bermaksiat tetapi terus saja menerima ni'mat yang berbentuk kekayaan dan kemewahan dalam kehidupannya.

Adakah, terdetik di fikiran kita mengapa orang kafir boleh hidup kaya raya? Mengapa seseorang itu boleh berjaya dan cemerlang di dalam hidup sedangkan kehidupannya tidak pernah

sembahyang malah sentiasa berbuat maksiat? Mereka kaki judi, minum arak tetapi kehidupannya sentiasa dipermudahkan.

Inilah antara contoh *istidraaj* yang telah diturunkan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* kepada hamba-Nya yang berterusan hanyut dengan hal dunia. Ingatlah, pemberian Allah *Subhanahu wa Ta'ala* kepada mereka ini adalah sesuatu yang tidak diredhai Allah malah sebenarnya ini adalah ‘perangkap’ yang disediakan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* untuk menghancurkan mereka di kemudian hari. Ini dijelaskan dalam firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah al-An'aam ayat 44:

فَلَمَّا نَسُوا مَا ذُكِرُوا بِهِ فَنَحْنَا عَلَيْهِمْ  
أَبْوَابَ كُلِّ شَيْءٍ حَتَّىٰ إِذَا فَخَرُوبَمَا أَوْقَدُوا  
أَخْذَنَاهُمْ بَغْتَةً فَإِذَا هُمْ مُشْبِسُونَ ﴿٦٦﴾

#### Mafhumnya:

*Maka apabila mereka melupakan peringatan yang telah diberikan kepada mereka, Kami pun membuka kepada mereka pintu-pintu segala (sesuatu ni'mat kesenangan dan kemewahan) sehingga apabila mereka bergembira dengan segala apa yang diberikan kepada mereka, Kami timpakan mereka (bala bencana) secara mengejut maka ketika itu mereka pun berputus asa (daripada mendapat pertolongan dan rahmat Allah).*

Dalam situasi seseorang itu ditimpakan *istidraaj*, ada hikmah yang terkandung di

dalamnya iaitu mereka diberikan waktu dan masa untuk melakukan taubat dan meminta keampunan dan kembali kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Ini merupakan rahmat Allah kepada mereka sehingga Allah masih memberi mereka waktu dan menangguhkan mereka untuk ditimpakan bencana dan kesempitan agar mereka sadar kembali kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* sepermata dalam surah at-Taubah ayat 126:

أَوَلَيَرَوْنَ أَنَّهُمْ يُفْسِدُونَ فِي كُلِّ عَامٍ  
مَرَّةً أَوْ مَرَّتَيْنِ ثُمَّ لَا يَتُوبُونَ وَلَا هُمْ  
يَذَّكَّرُونَ ﴿٦٦﴾

#### Mafhumnya:

*Dan tidakkah mereka (orang-orang munafiq) memerhatikan bahawa mereka diuji (dengan berbagai-bagai bencana) sekali atau dua kali setiap tahun kemudian mereka tidak (juga) bertaubat dan tidak (pula) mengambil peringatan?*

Al-Qur'an juga telah menceritakan banyak contoh *istidraaj* seperti: kisah Firaun, Namrud, dan Qarun. Kesemuanya telah diberikan kekayaan yang melimpah ruah namun kenikmatan dunia itu telah menjadikan mereka sombang dan angkuh. Akhirnya, mereka dibinasakan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dengan azab yang sangat pedih.

Allah *Subhanahu wa Ta'ala* telah memberi kita peringatan yang jelas sepermata penceritaan dalam al-

Qur'an, Allah juga telah memberi kita contoh untuk kita ambil teladan, justeru itu, janganlah kita menjadi hamba-Nya yang berada dalam keadaan *istidraaj* dan jauh dari rahmat-Nya kerana ni'mat yang diperolehi di dunia ini hanyalah bersifat sementara, sebaliknya ni'mat syurga di akhirat sana yang kekal selamanya. Seharusnya, semakin Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menganugerahkan ni'mat-Nya, semakin itu jugalah bertambah kesyukuran dan ibadat kita kepada-Nya. Malah yang sebaik-baiknya, kita uruskan rezeki ni'mat dan harta kita dengan menginfaqkannya di jalan Allah.

Isitqamahkan diri kita untuk bertaubat dan melakukan ibadat dan meminta keampunan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan selalu mengingat-Nya semasa

dalam keadaan yang senang dan susah agar kita dijauhi dari *istidraaj*. Jangan kita lalai untuk melakukan sembahyang fardhu lima waktu setiap hari, membaca al-Qur'an, bersalawat dan beristighfar agar kita selalu dekat dengan yang Maha Esa, Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah al-Qalam ayat 44:

فَذَرْفِي وَمَنْ يُكَذِّبُ بِهَذَا الْحَدِيثِ سَنُسْتَدِرُّ جَهَنَّمَ  
مِنْ حَيْثُ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٤٤﴾

**Mafhumnya:**

*Maka serahkanlah kepada-Ku sahaja (wahai Nabi Muhammad) menghadapi orang yang mendustakan keterangan al-Qur'an ini, Kami akan menarik mereka beransur-ansur (ke arah kebinasaan) dengan cara yang mereka tidak ketahui.* ●

**WAHAI ORANG-ORANG YANG BERIMAN!  
BERTAUBATLAH KAMU KEPADA ALLAH DENGAN TAUBAT NASUHA**




Tetamu

# ISTIDRAAJ

Oleh:

Nurhuwaina binti Mamud  
Pegawai Perkembangan Ugama



Ujian dan dugaan yang datang daripada Allah Subhanahu wa Ta'ala kepada hamba-Nya bukan hanya sekadar dalam bentuk kesusahan ataupun kesedihan semata-mata seperti kemiskinan, kesakitan atau kehilangan nyawa. Bahkan ujian dan dugaan itu juga boleh datang melalui kebahagiaan dan kesenangan seperti kekayaan, kesihatan, melahirkan zuriat yang banyak, limpahan kemewahan dan seumpamanya. Sesungguhnya hal ini sering saja disalahgunakan dan menjadikan para penerimanya alpa dan lalai sehingga tertipu dengan hal dunia yang boleh menjauhkan diri

daripada mengingat Allah Subhanahu wa Ta'ala. Semua kurniaan Allah Subhanahu wa Ta'ala kepada manusia adalah bertujuan untuk melihat sama ada hamba-hamba-Nya bersyukur ataupun kufur dengan segala nikmat yang telah dikurniakan Allah Subhanahu wa Ta'ala dan mendekatkan diri kepada Istidraaj.

## Istidraaj

*Istidraaj* diambil dari kata dasar دَرَجَ yang bererti mengheret atau meningkat kedudukannya.

Terdapat banyak pendapat yang memberikan pengertian *Istidraaj*, di antaranya ialah dipetik dari kitab *Mu'jam al-Lughah al-'Arabiyah al-Mu'asharah* disebutkan maksud *Istidraaj* dari segi bahasa ialah naik dari satu tingkat ke tingkat selanjutnya. Manakala *Istidraaj* daripada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* terhadap hamba-Nya ialah sebagai hukuman yang diberikan sedikit demi sedikit dan tidak diberikan langsung. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* membiarkan seseorang dan tidak disegerakan azabnya.

Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menghukum mereka dengan sesuatu yang tidak dapat dipertikaikan dengan memberikan ni'mat-Nya dan mereka bersenang-senang atas ni'mat tersebut sehingga menjadikan mereka lupa dan lalai serta tidak mengingat mati.

*Ath-Thabari* menta'wilkan makna *Istidraaj* di dalam Kitab *Jami' al-Bayaan Fi Ta'wil al-Qur'an* adalah mereka yang mengingkari dan melupakan petunjuk Allah, kemudian Dia menangguhkan dengan menghiasi perbuatan buruk mereka.

Manakala gambaran bentuk kehidupan orang yang *Istidraaj* menurut Ibnu Katsir ialah Allah *Subhanahu wa Ta'ala* membuka berbagai pintu rezeki dan sumber kehidupan sehingga mereka terpedaya olehnya dan beranggapan bahawa diri mereka kalah di atas segala-galanya.

Dari beberapa pendapat di atas dapatlah kita mengambil kesimpulan bahawa *Istidraaj* itu ialah salah satu pemberian berupa ni'mat kesenangan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* kepada manusia yang mana pemberian itu tidak diredhai-Nya bahkan ianya adalah ujian berbentuk muslihat.

*Istidraaj* hanya diberikan kepada orang-orang yang terlalu asyik dengan keduniaan serta lalai dengan perintah Allah *Subhanahu wa Ta'ala* yang mana akibat dosa-dosa yang mereka lakukan, secara tidak sedar telah mengunci hati mereka sendiri dari menerima hidayah Allah. Mereka dibiarkan mendapatkan kesenangan dunia dan hingga akhir hayatnya mereka tetap tenggelam dalam perbuatan dosa. Allah membiarkan mereka terumbang-ambing dalam kesesatan yang nyata agar mereka celaka kerana lalai dalam beribadah akibat sibuk dengan urusan dunia.

#### **Dalil-dalil yang berkaitan dengan *Istidraaj***

Ada beberapa dalil dari ayat-ayat al-Qur'an dan hadits yang berkaitan dengan *Istidraaj*, iaitu :

Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah al-Mu'minun ayat 55-56 :

أَيْخَسِبُونَ أَنَّمَا نُمَدِّهُمْ بِهِ مِنْ مَالٍ وَبَنِينَ ﴿٥٥﴾  
نُسَارِعُهُمْ فِي الْخَيْرَاتِ بَلْ لَا يَشْعُرُونَ ﴿٥٦﴾

### **Mafhumnya:**

Adakah mereka menyangka bahawa apa yang Kami kurniakan kepada mereka daripada harta dan anak-anak itu. (Bererti bahawa) Kami menyegerakan bagi mereka kebaikan-kebaikan? (Tidak, bukan begitu) bahkan mereka tidak menyedari (hakikat yang sebenar).

Allah Subhanahu wa Ta'alai berfirman dalam surah Aali 'Imraan ayat 178 :

وَلَا يَحْسَبَنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا أَنَّمَا نُمْلِي لَهُمْ  
خَيْرٌ لَا نَفْتَهِمُ إِنَّمَا نُمْلِي لَهُمْ لِيَرَدُوا إِنَّمَا  
وَلَهُمْ عَذَابٌ أَفَعَلُونَ ﴿١٧٨﴾

### **Mafhumnya:**

Dan janganlah sekali-kali orang-orang yang kafir menyangka bahawa Kami menangguhkan mereka (untuk hidup lama) itu baik bagi diri mereka. Sesungguhnya Kami menangguhkan (memanjangkan umur) mereka hanyalah supaya bertambah dosa mereka. Dan bagi mereka azab yang menghinakan.

Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala lagi dalam surah al-An'aam ayat 44:

فَلَمَّا نَسُوا مَا ذُكِرَ وَبِهِ فَنَحَنَا عَلَيْهِمْ  
أَبْوَابَ كُلِّ شَيْءٍ حَتَّىٰ إِذَا فَرِحُوا بِمَا أُوتُوا  
أَخْذَنَاهُمْ بَغْتَةً فَإِذَا هُمْ مُبْلِسُونَ ﴿٤٤﴾

### **Mafhumnya:**

Maka apabila mereka melupakan peringatan yang telah diberikan kepada

mereka, Kami pun membukakan kepada mereka pintu-pintu segala sesuatu (ni'mat kesenangan dan kemewahan) sehingga apabila mereka bergembira dengan segala apa yang diberikan kepada mereka, Kami timpakan mereka (bala bencana) secara mengejut maka ketika itu mereka pun berputus asa (daripada mendapat pertolongan dan rahmat Allah).

Hadits riwayat Imam Ahmad daripada 'Uqbah bin 'Amir, dari Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda:

إِذَا رَأَيْتَ اللَّهَ تَعَالَى يُعْطِي الْعَبْدَ مِنَ الدُّنْيَا مَا  
يُحِبُّ وَهُوَ مُقِيمٌ عَلَى مَعَاصِيهِ فَإِنَّمَا ذَلِكَ مِنْهُ  
اسْتِدْرَاجٌ

### **Maksudnya:**

Apabila kamu mendapati Allah memberikan kepada hamba-Nya yang melakukan maksiat kepada-Nya di dunia ini sesuatu yang disukai oleh hamba itu, maka itu hanyalah satu Istidraaj.

### **Perbezaan di antara Istidraaj dan Kurniaan Allah Subhanahu wa Ta'alaa.**

Kurniaan Allah Subhanahu wa Ta'alaa diisi sebelum dan selepasnya dengan ketakwaan, kebaikan dan ketaatan seperti seseorang yang rajin melakukan solat malam, rajin bersedekah, rajin melakukan sembahyang Sunat Dhuha dan kemudian Allah Subhanahu wa Ta'alaa melimpah luahkan rezekinya. Maka itu dinamakan sebagai kurniaan atau karamah.

Namun orang yang tidak menunaikan sembahyang lima waktu dan berterusan melakukan kemaksiatan sehingga menderhakai kepada-Nya sedang dia dilimpahkan dengan kemewahan dan kekayaan, maka inilah yang dinamakan *Istidraaj*.

### **Perbezaan diantara ujian, azab dan *Istidraaj***

Ujian adalah musibah yang menimpa orang-orang beriman dan yang rajin beribadah sebagai tanda rahmat dan kasih sayang Allah *Subhanahu wa Ta'ala* terhadap hamba-Nya agar sentiasa ingat dan ta'at kepada-Nya. Ujian turun bertujuan untuk menguji hamba-Nya sejauh mana mereka istiqamah dalam beribadah kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan mengetahui keimanan seseorang hamba.

Manakala azab merupakan suatu bentuk musibah yang diturunkan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* kepada orang-orang yang selalu membuat maksiat, kemungkaran dan lalai dalam melakukan kewajiban beribadah kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Azab diturunkan bertujuan sebagai peringatan agar lebih mendekatkan diri dan menunaikan hak-hak Allah *Subhanahu wa Ta'ala* serta mengurangi rasa kecintaan terhadap dunia.

Adapun *Istidraaj* adalah tingkatan musibah yang paling dahsyat kerana Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menjauhkan rahmat-Nya daripada hamba-Nya

lantaran kelalaiannya dengan terus memberinya berbagai limpahan ni'mat duniai sementara azab menunggunya di akhirat kelak.

### **Penyebab terjadinya *Istidraaj***

*Istidraaj* ini tidak datang dengan tiba-tiba. Keputusan Allah memberikan *Istidraaj* disebabkan oleh perbuatan dan sikap hamba-Nya di antaranya adalah seperti berikut:

#### **\* Tidak Beriman**

Salah satu penyebab *Istidraaj* adalah penolakan terhadap keimanan iaitu kekafiran dengan mendustakan ayat-ayat Allah. Hati mereka tertutup, mata mereka buta dan telinga mereka tuli untuk memahami dan mengamalkan ayat-ayat Allah dalam kehidupan mereka sehari-hari. Oleh yang demikian harta yang diperolehi hamba-Nya yang tidak beriman jelas merupakan *Istidraaj*. Mereka akan berbangga dengan kelimpahan harta mereka yang hanya akan menyebabkan semakin sompong dan jauh dari kebenaran.

#### **\* Cintakan Dunia**

Cintakan dunia dengan memperhambakan diri dan seluruh kehidupan kepada dunia sehingga lupa akan matlamat diciptakan di dunia ini. Keghairahan mengejarduniadenganberlebih-lebihan berupa harta benda, pangkat, kesihatan dan sebagainya boleh menyebabkan timbulnya rasa kegelisahan. Ini juga

boleh menyebabkan manusia mudah kecewa, resah, dengki, tidak puas hati dan bimbang apabila kemahuan dan keinginan nafsu tidak tercapai. Mereka lupa bahawa pemberian daripada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* itu boleh dicabut dalam sekilip mata jika Dia menghendaki. Oleh yang demikian, terlampau cintakan dunia dan penghambaan diri kepada dunia adalah diantara sebab *Istdraaj*.

Menurut Imam Ibnu al-Qayyim Rahimahullah berkata:

مُحِبُ الدُّنْيَا لَا يَفْكُرُ مِنْ ثَلَاثٍ : هُمْ لَا زَمْ<sup>۰</sup> ،  
وَتَعَبُ دَائِمٌ ، وَحَسْرَةٌ لَا تَنْقَضِي

**Maksudnya:**

*Pencinta dunia tidak akan terlepas dari tiga perkara : kesedihan (kegelisahan) yang terus-menerus, kelelahan (keletihan) yang berpanjangan dan penyesalan yang tidak pernah berhenti.*

### **Tidak bersyukur atas ni'mat Allah *Subhanahu wa Ta'ala***

Sebahagian orang ditimpa *istidraaj* adalah disebabkan mereka lupa kacang dengan kulitnya dan lupa bersyukur kepada Allah setelah Allah mengkabulkan doa mereka dan melimpahkan apa yang mereka inginkan.

#### **\* Bakhil dan Kedekut**

*Istdraaj* juga dapat menimpa kepada mereka yang mempunyai sifat bakhil dan

kedekut. Hal ini disebabkan kebanyakan mereka tidak mengetahui dan sering melupakan bahawa berlimpahnya harta adalah satu ujian. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* memerintahkan hamba-hamba-Nya untuk menginfakkan sebahagian daripada harta mereka kepada jalan yang benar.

Namun masih terdapat sebahagian daripada mereka yang lebih cenderung untuk bersifat bakhil dan kedekut dalam menginfakkan harta mereka. Oleh itu, mereka ditimpa *istidraaj* dan menjerumuskannya kepada kemurkaan Allah.

### **Kisah Iktibar daripada Al-Qur'an Mengenai *Istdiraaj***

Dalam al-Qur'an, Allah *Subhanahu wa Ta'ala* telah memberikan kita peringatan dan contoh yang jelas mengenai *istidraaj* untuk dijadikan sebagai teladan dan sempadan seperti kisah Fir'aun yang ditenggelamkan bersama-sama pengikutnya dilaut Merah dan kisah Qarun yang ditanam Allah *Subhanahu wa Ta'ala* bersama rumahnya dan segala harta kekayaannya ke dalam perut bumi.

Fir'aun dan Qarun telah diberikan kesihatan, kesenangan dan kekayaan yang melimpah ruah akan tetapi ni'mat dunia ini telah menjadikan diri mereka zalim, sompong, angkuh dan bongkak. Akhirnya, mereka telah dibinasakan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

## Cara Menghindari *Istidraaj*

Di antara perkara yang dapat menghindari diri daripada *istidraaj* itu ialah:

### Meningkatkan Keimanan kehadhrat Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Dengan adanya keimanan, seseorang dapat meyakini akan kewujudan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan mempercayai bahawa sesungguhnya janji dan kuasa Allah *Subhanahu wa Ta'ala* itu sangatlah benar serta menyedari bahawa segala ni'mat yang diberikan-Nya merupakan amanah yang harus dijaga dan disyukuri.

### Mengerjakan Amal Salih.

Amal salih yang paling utama ialah ibadah. Antara ibadah yang terpenting dan termasuk dalam rukun Islam yang lima itu ialah mendirikan sembahyang, mengerjakan ibadah puasa, menunaikan zakat dan mengerjakan ibadat haji bagi yang berkemampuan. Di samping itu, agama Islam sangat menganjurkan pengikutnya untuk melakukan perkara-perkara sunat seperti bersedekah, memberikan pertolongan kepada orang yang memerlukan dan sebagainya.

Sesungguhnya amal ibadah itu hendaklah dijaga dan dipelihara dengan sebaik-baiknya dan ia tidak boleh dianggap remeh kerana amal ibadah itu secara umumnya adalah untuk menanam dan memperkuat

keimanan ke dalam jiwa kita kehadhrat Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

### Berdoa agar Terhindar dari *Istidraaj*.

Salah satu ibadah yang boleh menghindarkan daripada *Istidraaj* adalah berdoa. Berdoa adalah permintaan atau permohonan seorang hamba kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan sebagai jalan untuk meminta segala hajat. Doa juga merupakan senjata orang mu'min, tiang agama dan cahaya langit dan bumi. Salah satu doa supaya terhindar dari *istidraaj* adalah:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ أَنْ أَكُونَ مُسْتَدْرَجًا، فَإِنِّي  
أَسْمَعُكَ تَقْوُلُ: سَنَسْتَدْرِجُهُمْ مِنْ حَيْثُ لَا  
يَعْلَمُونَ

### Maksudnya:

*Ya Allah ya Tuhanku! Aku berlindung dengan-Mu, janganlah kiranya aku ditarik sedikit demi sedikit ke arah kebinasaan. Sesungguhnya aku mendengar Engkau berfirman : Kami akan menarik mereka beransur-ansur (kearah kebinasaan) dengan cara yang mereka tidak ketahui.*

Selain daripada itu, ada di antara doa yang sering dibaca oleh Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* sebagaimana telah disebutkan dalam sebuah hadits riwayat Imam al-Bukhari daripada Anas bin Malik *RadiAllahu 'anhu* berkata, doa Nabi *Shallallahu 'alaihi wa sallam* yang sering diucapkan ialah:

رَبَّنَا أَتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ  
وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

#### Maksudnya:

*Ya Allah, Ya Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan peliharalah kami dari seksa api neraka.*

#### Penutup

*Istidraaj* adalah satu ujian atau salah satu bentuk hukuman Allah yang paling ditakuti dan dianggap sebagai satu musibah yang sangat besar. Orang yang ditimpa *istidraaj* selalu merasa diri mereka benar, semua perbuatan dosa dan kejahatan yang dilakukan seakan tidak memberi kesan dalam kehidupan mereka. Mereka juga merasakan diri mereka yang paling beruntung dan berjaya walaupun sedang mengabaikan perintah Allah *Subhanahu wa Ta'ala*

dan mengikut hawa nafsu sahaja tanpa mempertimbangkan dosa yang telah dilakukan.

Oleh itu, sebagai hamba Allah kita hendaklah tetap berwaspada dan janganlah menjadi hamba Allah *Subhanahu wa Ta'ala* yang lalai dan alpa dengan segala kenikmatan dan kemewahan yang dikurniakan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* serta lupa daratan. Ini kerana sepatutnya semakin banyak Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menganugerahkan kepada kita akan ni'mat-Nya, maka sepatutnya semakin bertambahlah pula rasa syukur kita kepada-Nya.

Mudah-mudahan dengan demikian, segala ni'mat yang dikurniakan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* itu akan diberkati dan menjadi asbab untuk menjadikan diri kita lebih dekat kepada-Nya. Aamiin Ya Rabbal 'Aalamiin. ●





# Kenali Syurga dan Neraka



**S**yurga dalam Bahasa Arabnya *al-Jannah* ialah sebuah tempat yang disediakan oleh Allah di akhirat nanti untuk orang yang melakukan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Syurga yang disebut di dalam al-Qur'an adalah suatu tempat yang penuh dengan keindahan, kebahagiaan dan kenikmataan yang belum pernah dilihat oleh mata, didengar oleh telinga dan terlintas di dalam akal fikiran manusia. Syurga diciptakan Allah Subhanahu wa Ta'alā adalah khusus bagi hamba-Nya yang bertaqwa sesuai dengan firman-Nya dalam surah asy-Syu'ara ayat 90:

وَأَنْفَتَ الْجَنَّةُ لِلْمُؤْمِنِينَ ﴿٦﴾

#### Mafhumnya:

Dan (pada hari itu) didekatkan (dan diperlihatkan) syurga bagi orang-orang yang bertaqwa.

Perkataan neraka dalam Bahasa Arabnya ialah *nar* dan ia berasal dari Bahasa Ibrani yang bermaksud unggul api. Di dalam al-Qur'an, neraka disebut *Nar* atau *Narul-Jahannam*. Neraka disediakan oleh Allah Subhanahu wa Ta'alā sebagai tempat balasan seksaan bagi jin dan manusia yang

ingkar akan perintah Allah dan rasul-Nya. Neraka itu seperti yang disebutkan di dalam al-Qur'an dan hadits adalah tempat yang dipenuhi api yang sangat panas dan dahsyat. Bahan bakarnya adalah manusia dan batu-batu berhala sepetimana dalam surah al-Baqarah ayat 24:

...فَاتَّقُوا النَّارَ الَّتِي وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحَجَارَةُ  
أَعْدَتْ لِلْكُفَّارِ بِنَرِ ﴿٢٤﴾

#### Mafhumnya:

...hendaklah kamu takut kepada neraka yang bahan bakarnya adalah manusia

(orang kafir) dan batu-batu berhala yang disediakan bagi orang-orang kafir.

Syurga dan Neraka telah diciptakan oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala sepermimana yang terkandung dalam al-Qur'an.

### Syurga

Firman Allah dalam surah Aali 'Imraan ayat 133:

وَسَارِعُوا إِلَى مَغْفِرَةٍ مِّن رِّبْكَمْ وَجَنَّةٍ  
عَضْهَا السَّمَوَاتُ وَالْأَرْضُ أَدْعَتُ لِلْمُتَقِينَ ﴿١٣﴾

### Mafhumnya:

Dan bersegeralah kamu (mengerjakan amal kebaikan untuk membawa kamu kepada keampunan daripada Tuhan kamu dan ke syurga yang luasnya seluas langit dan bumi yang disediakan untuk orang-orang yang bertaqwa).

### Neraka

Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman dalam surah an-Naba' ayat 21-22:

إِنَّ جَهَنَّمَ كَانَتْ مِرْصَادًا ﴿٢١﴾ إِلَّا لِلطَّاغِينَ مَعَابًا ﴿٢٢﴾

### Mafhumnya:

Sesungguhnya neraka Jahannam ada tempat memerhati (bagi penjaga neraka). Tempat kembali bagi orang-orang yang melampaui batas.

## NAMA-NAMA SYURGA

### Syurga Firdaus

Firman Allah dalam surah al-Kahfi ayat 107:

إِنَّ الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ كَانَتْ لَهُمْ جَنَّتُ الْفِرْدَوْسِ نُزُلًا ﴿١٠٧﴾

### Mafhumnya:

Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan salih adalah bagi mereka syurga-syurga Firdaus sebagai tempat tinggal mereka.

Firman Allah lagi dalam surah al-Mu'minun ayat 9-11:

وَالَّذِينَ هُمْ عَلَى صَلَوةِنَمْ يَحْفَظُونَ ﴿٩﴾ أَفَلَمْ يَرَوْهُمْ هُمُ الْوَرُثُونَ ﴿١٠﴾ الَّذِينَ يَرِثُونَ الْفِرْدَوْسَ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿١١﴾

### Mafhumnya:

Dan orang-orang yang tetap memelihara sembahyang mereka. Mereka itulah pewaris-pewaris. Yang akan mewarisi syurga Firdaus, mereka kekal di dalamnya.

### Syurga 'Adn

Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam surah Thaahaa ayat 76:

جَنَّتُ عَدُنِ تَجْرِي مِنْ تَحْنِهَا الْأَنْهَرُ حَلِيلَنَ فِيهَا وَذَلِكَ جَرَاءَةٌ مِّنْ تَزْكِيَ ﴿٧٦﴾

### Mafhumnya:

(Iaitu) syurga-syurga 'Adn yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, mereka kekal di dalamnya. Dan itulah ganjaran (bagi) sesiapa yang mensucikan diri (daripada kufur dan ma'siat).

## Syurga Na'im

Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman dalam surah Luqman ayat 8:

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ لَهُمْ جَنَّاتُ النَّعِيمِ ﴿٨﴾

### Mafhumnya:

Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan salih, bagi mereka syurga-syurga yang penuh ni'mat.

## Syurga Ma'wa

Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam surah as-Sajdah ayat 19:

أَمَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ فَلَهُمْ جَنَّاتُ الْمَأْوَىٰ نُزُلًا بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿١٩﴾

### Mafhumnya:

Adapun orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan salih maka bagi mereka itu syurga Ma'wa sebagai tempat tinggal mereka disebabkan apa yang mereka telah kerjakan.

## Syurga Darussalam

Firman Allah dalam surah Yuunus ayat 25:

وَاللَّهُ يَدْعُ إِلَيْهِ دَارَ السَّلَامِ وَيَهْدِي مَنْ يَشَاءُ إِلَى صِرَاطِ مُسْتَقِيمٍ ﴿٢٥﴾

### Mafhumnya:

Dan Allah menyeru manusia ke syurga Darussalam dan mengurniakan hidayah

kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya ke jalan yang lurus (agama Islam).

## Syurga Darul Muqamah

Firman Allah dalam surah Faathir ayat 35:

الَّذِي أَحَنَّا لَهُ دَارَ الْمُقَامَةِ مِنْ فَضْلِهِ لَا يَمْسِنُ  
فِيهَا نَصْبٌ وَلَا يَمْسِنُ فِيهَا الْغُوبُ ﴿٣٥﴾

### Mafhumnya:

Tuhan yang menempatkan kami di tempat yang kekal (syurga) atas limpah kurnia-Nya. Di dalamnya kami tidak merasa penat dan tidak juga merasa lesu.

## Syurga Maqamul Amin

Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman dalam surah ad-Dukhaan ayat 51:

إِنَّ الْمُتَّقِينَ فِي مَقَامِ أَمِينٍ ﴿٥١﴾

### Mafhumnya:

Sesungguhnya orang-orang yang bertaqwa akan berada di tempat yang aman.

## Syurga Khuldi

Firman Allah dalam surah al-Furqaan ayat 15:

قُلْ ذَلِكَ خَيْرٌ مَرْجَنَةُ الْخُلُدِ الَّتِي وُعِدَ الْمُتَّقُونَ  
كَانَتْ لَهُمْ جَزَاءً وَمَصِيرًا ﴿١٥﴾

### Mafhumnya:

Katakanlah (wahai Nabi Muhammad): "Adakah (azab neraka) yang demikian

*itu lebih baik atau syurga yang kekal yang dijanjikan kepada orang-orang yang bertaqwa?" Syurga itu disediakan bagi mereka sebagai ganjaran dan tempat kembali.*

## NAMA-NAMA NERAKA

### Neraka Jahannam

Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah Maryam ayat 86:

وَنَسُوقُ الْمُجْرِمِينَ إِلَى جَهَنَّمَ وَرَدًا ﴿٨٦﴾

### Mafhumnya:

*Dan Kami akan menggiring orang-orang yang berdosa ke neraka Jahannam dalam keadaan dahaga.*

### Neraka Jahim

Firman Allah dalam surah asy-Syu'araa ayat 91:

وَنَرَزَتِ الْجَحِيمُ لِلْغَاوِينَ ﴿٩١﴾

### Mafhumnya:

*Dan dinampakkan dengan jelas neraka Jahim kepada orang-orang yang sesat.*

### Neraka Hawiyah

Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah al-Qaari'ah ayat 8-11:

وَأَمَانَ خَفَّتْ مَوَازِينُهُمْ ﴿٨﴾ فَأَمْمُهُ هَاوِيَةٌ  
وَمَا آذَرَكَ مَا هِيَةٌ ﴿٩﴾ نَارُ حَامِيَةٌ ﴿١٠﴾

### Mafhumnya:

*Dan adapun orang-orang yang ringan timbangan (amal kebaikan)nya. Maka tempat kembalinya ialah neraka Hawiyah, Dan tahukah engkau apakah neraka Hawiyah itu? (Iaitu) api yang sangat panas.*

### Neraka Wail

Firman Allah dalam surah al-Muthaffifiin ayat 1:

وَبَلَى لِلْمُطَّقِفِينَ ﴿١﴾

### Mafhumnya:

*Celakalah bagi orang-orang yang menipu (dalam sukatan dan timbangan).*

### Neraka Sa'ir

Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah an-Nisa' ayat 10:

إِنَّ الَّذِينَ يَأْكُلُونَ أَمْوَالَ الْيَتَامَىٰ ثُمَّمَا إِنَّمَا  
يَأْكُلُونَ فِي بُطُونِهِمْ نَارًا وَسَيَصُلُونَ  
سَعِيرًا ﴿١٠﴾

### Mafhumnya:

*Sesungguhnya orang-orang yang memakan harta anak-anak yatim secara zalim, sebenarnya mereka itu hanyalah menelan api ke dalam perut mereka. Dan mereka pula akan masuk ke dalam neraka yang menyala-nyala.*

### Neraka Saqr

Allah berfirman dalam surah al-Muddatstsir ayat 42-47:

مَاسَلَكُمْ فِي سَقَرٍ ﴿١﴾ قَالُوا أَنْتُمْ نُكَفِّرُ مِنَ الْمُصَلَّيْنَ  
 وَلَمْ يَكُنْ تُطْعَمُ الْمُسْكِيْنَ ﴿٢﴾ وَكُنَّا نَحْنُ أَخْوَضُ  
 مَعَ الْخَانِيْرِيْنَ ﴿٣﴾ وَكُنَّا نَزِدُ بِبَيْوَهُ الَّذِيْنَ  
 حَتَّىَ اتَّقَنَّا الْيِقَيْنَ ﴿٤﴾

#### Mafhumnya:

(Mereka berkata:) "Apakah yang menyebabkan kamu masuk ke dalam neraka Saqr?" Orang-orang berdosa itu berkata: "Kami tidak termasuk dalam golongan yang mendirikan sembahyang. Dan kami tidak memberi makan orang miskin. Dan kami dahulu selalu mengambil bahagian bersama-sama dengan orang-orang yang memperkatakan perkara yang salah. Dan kami dahulu mendustakan hari Pembalasan. Sehingga lah datang kepada kami kematian."

#### Neraka Huthamah

Firman Allah dalam surah al-Humazah ayat 1-4:

وَيَلْكُلُ هُمَّةٌ لَمَرَّةٍ ﴿١﴾ الَّذِي جَمَعَ مَا لَا  
 وَعَدَهُ، ﴿٢﴾ يَحْسَبُ أَنَّ مَالَهُ أَخْلَدَهُ،  
 كُلًا لَيَنْبَدَّلُ فِي الْحُطْمَةِ ﴿٣﴾

#### Mafhumnya:

Celakalah bagi tiap-tiap pengumpat lagi pencela. Yang mengumpulkan harta dan menghitung-hitungnya. Dia menyangka hartanya itu dapat mengekalannya (hidup di dunia). Tidak sekali-kali. Sesungguhnya dia akan dicampakkan ke dalam neraka Huthamah.



# Al-Qur'an Kalamullah

**A**l-Qur'an merupakan wahyu yang diturunkan kepada Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam*. Turunnya al-Qur'an kepada umat manusia melalui baginda Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bukanlah suatu yang sia-sia. Sebaliknya untuk mengajar manusia tentang keesaan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* serta panduan bagi kehidupan manusia di dunia dan di akhirat. Malah al-Qur'an menjadi petunjuk dan penyuluhan jalan untuk umat Islam bagi mengelakkan mereka tergelincir daripada landasan Islam yang sebenar. Kita kenali al-Qur'an dengan soalan dan jawapan seperti berikut:

**Apakah suruhan pertama yang diturunkan di dalam al-Qur'an?**

Suruhan membaca. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah al-'Alaq, ayat 1:

أَقْرِبُوا مِنِّي رَبِّكُمْ الَّذِي خَلَقَ

**Mafhumnya:**

Bacalah (*wahai nabi Muhammad*) dengan (*menyebut*) nama Tuhanmu yang menciptakan (*sekalian makhluk*).

**Apakah kalimah/perkataan yang paling panjang mafhumnya di dalam al-Qur'an?**

Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah al-Hijr, ayat 22:

فَاسْقِنْ أَكْمُوْهُ

**Mafhumnya:**

...Kemudian Kami memberikannya kepada kamu untuk diminum...

**Berapakah bilangan ayat sajadah di dalam al-Qur'an?**

14 ayat.

سُورَةٌ أَنْزَلْنَاهَا وَفَرِضْنَاهَا وَأَنْزَلْنَا فِيهَا آيَاتٍ بَيْنَتٍ  
لَّعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١﴾

**Apakah surah yang mengandungi ayat sajadah?**

Surah al-A'raaf, Surah ar-Ra'd, Surah an-Nahl, Surah al-Israa', Surah Maryam, Surah al-Hajj, Surah al-Furqaan, Surah an-Naml, Surah as-Sajdah, Surah Shaad, Surah Fushshilat, Surah an-Najm, Surah al-Insyiqaaq dan Surah al-'Alaq.

**Mafhumnya:**

(Inilah) surah yang Kami telah turunkan dan Kami wajibkan (pelaksanaan hukum-hukum yang terkandung di dalamnya) serta Kami turunkan padanya ayat-ayat keterangan yang nyata supaya kamu sentiasa beringat.

**Apakah surah yang dinamakan dengan nama para nabi?**

Surah Yuunus, Surah Huud, Surah Yuusuf, Surah Ibraahiim, Surah Nuuh dan Surah Muhammad.

**Apakah surah yang dinamakan dengan salah satu nama daripada nama-nama al-Qur'an?**

Surah al-Furqan.

**Apakah surah yang dinamakan dengan salah satu nama daripada rukun Islam?**

Surah al-Hajj.

**Apakah surah yang dinamakan dengan nama wanita?**

Surah Maryam.

**Apakah surah yang dimulai dengan lafaz "Surah"?**

Surah an-Nuur, ayat 1:

**Apakah surah yang dinamakan dengan nama-nama Allah Asma' al-Husna?**

Surah ar-Rahmaan, Surah al-A'laa dan Surah an-Nuur.



# Aminah binti Wahab

(Ibu Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam*)

Nama lengkap beliau ialah Aminah binti Wahab bin Abdul Manaf bin Zuhrah bin Kilab bin Murrah dari Kabilah Quraisy, dilahirkan di Mekah dan ayahnya adalah pemimpin Bani Zuhrah, manakala ibunya adalah Barrah binti Abdul 'Uzza bin Utsman bin Abduddar bin Qushay. (Rujuk كتاب الطبقات الكبير لابن سعد، الجزء الأول: السيرة النبوية m.s: 75-83).

Aminah adalah wanita Quraisy yang terbaik dan paling mulia dari segi keturunan dan kedudukannya di antara gadis-gadis lain yang cantik dan suci pada zaman tersebut. Beliau merupakan bunga yang cantik di kalangan wanita Quraisy serta menjadi puteri dari pemimpin Bani Zuhrah. Pergaulannya sentiasa dalam pengawalan dan tertutup dari pandangan mata orang ramai dan terpelihara dari pergaulan bebas.

Ahli sejarah telah mencatatkan bahawa Abdul Muthallib telah membawa Abdullah ke rumah Wahab bapa Aminah dan telah mengahwinkan mereka berdua, pada waktu itu Aminah merupakan wanita Quraisy yang paling baik nasab dan kedudukannya. Pada suatu ketika, Abdullah bertemu dengan

seorang wanita selain Aminah binti Wahab dan Abdullah pernah bekerja di tanah miliknya hingga terlihat bekas-bekas tanah padanya. Abdullah memanggil wanita tersebut, namun ia memperlakukan jalannya menuju Abdullah setelah melihat kesan tanah pada tubuh Abdullah. Abdullah segera keluar meninggalkan wanita tersebut untuk berwudhu serta membersihkan tanah yang melekat pada tubuhnya. Kemudian ia pergi ke rumah Aminah lalu melintas di hadapan wanita tersebut. Wanita tersebut memanggil Abdullah, namun ia tidak menghiraukannya dan terus menuju ke rumah Aminah, Abdullah masuk menemui Aminah lalu menggaulinya. (Rujuk سيرة ابن هشام، ذكر المرأة المترضة لنكاح عبدالله بن عبد المطلب: m.s: 106).

Maka selepas peristiwa itu Aminah pun mengandungkan Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam*. Tidak lama setelah itu, Abdullah berjalan melintasi lagi wanita tersebut lalu berkata kepadanya: "Apakah engkau tertarik kepadaku?" Wanita tersebut menjawab: "Tidak, sewaktu engkau berjalan melintasiku, pada kedua-dua matamu terdapat warna putih. Aku pun memanggilmu, namun engkau tidak menghiraukan panggilanku. Engkau masuk menemui Aminah lalu warna putih tersebut pergi bersamanya." (Rujuk سيرة ابن هشام, Bab: ذكر المرأة المعرضة لنكاح عبدالله بن عبد المطلب m.s: 107).

Hasil perkongsian hidup tersebut, lahirlah seorang anak lelaki yang bernama Muhammad. Aminah telah selamat melahirkan Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam* di Kota Mekah. Pada hari Isnin, 12 Rabiulawal pada tahun Gajah.

Bagaimanapun ayahanda baginda telah meninggal dunia ketika baginda masih dalam kandungan ibunda baginda, iaitu ketika melakukan perjalanan bersama kafilah dagang ke Syam, dan semasa pemergiannya itu dia telah jatuh sakit. Beliau tinggal bersama saudaranya di Yatsrib dari Bani an-Najjar untuk melihat dan menjaganya. Bagaimanapun, Allah *Subhanahu wa Ta'ala* telah menjemputnya kembali kepada-Nya. Abdullah hanya sempat tinggal bersamanya selama beberapa bulan.

Ketika baginda masih berada dalam kandungan, ibunda baginda sama sekali tidak merasakan susah payah seperti yang dialami oleh wanita-wanita lain yang sedang hamil. Ibunda baginda baru mengetahui dirinya sedang hamil melalui pemberitahuan malaikat yang mendatanginya ketika berada dalam keadaan setengah tidur, sebagaimana yang diceritakan dalam hadits riwayat Ibnu Sa'ad (Ibnu Sa'ad, كتاب الطبقات الكبير لابن سعد, ذكر حمل آمنة برسول الله صلى الله عليه وسلم m.s: 78) daripada Ali bin Yazid bin Abdullah bin Zam'ah daripada bapanya, daripada ibu saudaranya berkata:

كُنَّا نَسْمَعُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ  
لَمَّا حَمَلَتِ بِهِ آمِنَةُ بِنْتُ وَهْبٍ، كَانَتْ تَقُولُ:  
مَا شَعَرْتُ أَنِّي حَمَلْتُ بِهِ، وَلَا وَجَدْتُ لَهُ شَفَةً  
كَانَتْ تَحِدُ الْمُسَاءَ، إِلَّا أَنِّي قَدْ أَنْكَرْتُ رَفْعَهُ  
حَيْضِي، وَرُبَّمَا كَانَتْ تَرْفَعُنِي وَتَعُودُ وَأَتَانِي  
آتٍ وَأَنَا بَيْنَ النَّائِمِ وَالْيَقْطَانِ، فَقَالَ: هَلْ  
شَعَرْتِ أَنِّي حَمَلْتِ؟ فَكَانَتْ أَقُولُ: مَا أَدْرِي،  
فَقَالَ: إِنَّكِ قَدْ حَمَلْتِ بِسَيِّدِ هَذِهِ الْأُمَّةِ  
وَنِسْيَاهَا، وَذَلِكَ يَوْمُ الْإِثْنَيْنِ، قَالَتْ: فَكَانَ ذَلِكَ  
مِمَّا يَقْنَعُ عِنْدِي الْحَمْلَ.

#### **Maksudnya:**

*Kami mendengar bahawa Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam ketika dalam kandungan ibunya Siti Aminah binti Wahab, dia (ibunya) berkata: "Aku*

*tidak terasa akan kandunganku dan tidak merasa bebanannya seperti yang dirasai oleh perempuan-perempuan lain (yang mengandung) melainkan aku hanya tidak mengetahui tentang berhentinya haidhku, barangkali ia berhenti daripadaku dan kembali semula. Dan aku telah didatangi seorang lelaki sewaktu aku antara tidur dan sedar, dia berkata: "Adakah engkau sedar bahawa engkau sedang mengandung?" Lalu seolah-olah aku menjawab: "Aku tidak tahu sama sekali!" Kemudian dia berkata: "Sesungguhnya engkau sedang mengandungkan seorang pemimpin bagi umat ini dan sebagai nabi mereka yang akan lahir pada hari Isnin." Aminah berkata: "Kejadian itulah yang membuat aku yakin akan kandunganku."*

Ramai orang mendakwa dan hanya Allah yang Maha Mengetahui, Aminah binti Wahab, bonda Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam*, beliau telah bermimpi didatangi seseorang, lalu orang tersebut berkata kepadanya: "Sesungguhnya engkau mengandungkan pemimpin umat ini. Apabila engkau melahirkannya, ucapkan: "Aku meminta perlindungan untuknya kepada Allah yang Maha Esa dari keburukan semua pendengki," kemudian namakannya dengan Muhammad." Ketika Aminah mengandungkan baginda, beliau juga telah bermimpi melihat cahaya

keluar dari perutnya, lalu dengan cahaya tersebut, ia dapat melihat istana-istana Busra di negeri Syam. (Ibnu Sa'ad, كتاب الطبقات الكبير لابن سعد, ج 1, ذكر حمل آمنة برسول الله صلى الله عليه وسلم, m.s: 78).

Selama Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* tinggal bersama ibu dan datuk baginda Abdul Muthallib, baginda sentiasa berada dalam pemeliharaan dan penjagaan Allah *Subhanahu wa Ta'alā*. Membesar dan menjadi dewasa dengan baik sekali kerana Allah *Subhanahu wa Ta'alā* hendak memuliakan baginda.

Ketika baginda berusia enam tahun, Aminah membawa baginda melakukan perjalanan ke Yatsrib untuk menziarahi kubur ayah baginda Abdullah, biarpun mengetahui akan menempuh perjalanan yang jauh dan sukar.

Apabila sampai di Yatsrib, mereka telah disambut dengan meriah oleh kaum keluarga di sana. Bagaimanapun ketika dalam perjalanan pulang ke Mekah, iaitu selepas mengunjungi bapa-bapa saudara baginda dari sebelah ibunda baginda di Bani Adiy bin an-Najjar, Aminah jatuh sakit lalu meninggal dunia di perkampungan al-Abwa' dan jenazahnya telah dikebumikan di sana. ●



## Amalan-Amalan Sunnah Rasulullah



# Percakapan dan Ketawa

Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam merupakan *role model* kepada seluruh manusia. Segala sesuatu yang datang dari baginda sama ada melalui perbuatan, percakapan dan persetujuan baginda merupakan sunnah yang perlu diikuti dan dihayati bersama. Salah satu sunnah baginda yang baik untuk diikuti ialah cara percakapan dan ketawa baginda.

### Percakapan Yang Jelas dan Tidak Tergesa-gesa

Imam at-Tirmidzi meriwayatkan daripada 'Aishah Radhiallahu 'anha, beliau berkata:

مَا كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَسْرُدُ سَرْدُكُمْ هَذَا. وَلَكِنَّهُ كَانَ يَتَكَلَّمُ بِكَلَامٍ بَيْنِ فَصْلٍ. يَحْفَظُهُ مَنْ جَلَسَ إِلَيْهِ

#### Maksudnya:

*Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam tidaklah bercakap dengan cepat dan tergesa-gesa seperti kamu semua, akan tetapi baginda bercakap dengan jelas dan terperinci sehingga orang yang duduk bersamanya dapat mengingati apa yang mereka dengar.*

Hadits di atas menceritakan tentang gaya percakapan Nabi Shallallahu 'alaihi wa sallam yang bersifat jelas, satu persatu dan tidak gopoh-gapah.

Bercakap dengan tergesa-gesa dan bersambung-sambung boleh menimbulkan kekeliruan kepada pendengar dan menyulitkan mereka untuk menangkap butiran yang dipertuturkan. Sebab itulah baginda tidak mengamalkannya, sebaliknya baginda bercakap dengan bahasa yang jelas, tenang dan menjelaskan maksudnya satu per satu dan terperinci sehingga orang yang mendengar dapat menangkap maksud baginda dengan mudah, malah mereka dapat menghafalnya.

### Mengulangi Percakapan Jika Perlu

Imam at-Tirmidzi meriwayatkan daripada Anas bin Malik *Radhiallahu 'anhu*, beliau berkata:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُعِيدُ الْكَلِمَةَ ثَلَاثًا لِتُعْقَلَ عَنْهُ

#### Maksudnya:

*Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam* akan mengulangi ucapannya sebanyak tiga kali supaya difahami.

Dalam sebuah hadits lain, Imam al-Bukhari meriwayatkan daripada Anas bin Malik *Radhiallahu 'anhu*, beliau juga telah berkata:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ إِذَا تَكَلَّمَ بِكَلِمَةٍ. أَعَادَهَا ثَلَاثًا حَتَّى تُفْهَمَ عَنْهُ

#### Maksudnya:

*Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam* apabila bercakap suatu kalimah, baginda mengulanginya sebanyak

tiga kali sehingga perkataannya dapat difahami.

Sesungguhnya Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* akan mengulangi percakapannya sebanyak tiga kali supaya dapat difahami dengan jelas oleh orang yang mendengarkannya. Bukanlah maksudnya baginda mengulangi semua perkataan, sebab jika semua perkataan mesti diulangi hingga tiga kali, tentu memerlukan waktu yang lebih lama untuk setiap kali baginda bercakap. Akan tetapi, mengulangi percakapannya tiga kali adalah ketika perlu sahaja dan kata-kata tertentu sahaja yang ingin ditekankan seperti apa yang ingin disampaikan itu adalah perkara baru atau agak sukar difahami. Maka dengan mengulangi percakapan tiga kali dapat memberi perhatian orang yang mendengar dan mudah bagi mereka untuk memahami apa yang disampaikan. Namun, mengulangi percakapan tanpa keperluan bukanlah satu gaya percakapan yang baik.

### Lebih Banyak Senyum Daripada Ketawa

Imam at-Tirmidzi meriwayatkan daripada 'Abdullah bin Harits *Radhiallahu 'anhu*, beliau berkata:

مَا رَأَيْتُ أَحَدًا أَكْثَرَ تَبَسُّمًا مِنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

#### Maksudnya:

*Aku tidak pernah melihat seorang yang paling banyak senyum daripada Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam.*

Imam at-Tirmidzi juga meriwayatkan daripada 'Abdullah bin Harits *Radhiyallahu 'anhu*, beliau berkata:

مَا كَانَ صَحِّكَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَّا تَبَسَّمَ

**Maksudnya:**

*Tidaklah ketawa Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam melainkan dengan senyuman sahaja.*

Kedua-dua hadits di atas menerangkan kepada kita bahawa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* sentiasa mengukir senyuman. Malah di dalam sebuah hadits riwayat Imam at Tirmidzi daripada Abu Dzar *Radhiyallahu 'anhu*, beliau berkata bahawa Rasulullah menyebutkan senyuman itu ialah sedekah sebagaimana sabdanya:

تَبَسَّمُكَ فِي وَجْهِ أَخِيكَ لَكَ صَدَقَةٌ

**Maksudnya:**

*Senyumanmu ke arah wajah saudaramu akan dikurniakan pahala sedekah untuk mu.*

Namun menurut ulama', itu adalah kebiasaan baginda apabila berlaku di

hadapannya perkara yang melucukan, baginda tersenyum sahaja. Tidak dinafikan baginda juga pernah ketawa sebagaimana yang dikemukakan dalam hadits seterusnya.

**Ketawa Hingga Nampak Gigi**

Imam al-Bukhari meriwayatkan daripada Abu Dzar *Radhiyallahu 'anhu*, beliau berkata:

فَلَقَدْ رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَحِّكَ حَتَّى بَدَثَ نَوَاجِذُهُ

**Maksudnya:**

*Sungguh aku telah melihat Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* ketawa hingga nampak gigi-gigi gerahamnya.*

Hadits ini menjadi dalil bahawa Nabi *Shallallahu 'alaihi wa sallam* pernah ketawa lebih daripada senyuman iaitu sehingga nampak giginya.

**Senyum Ketika Bertemu Orang Lain**

Imam al-Bukhari meriwayatkan daripada Jarir bin Abdullah *Radhiyallahu 'anhu*, beliau berkata:

مَا حَبَّنِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مُنْذُ أَسْلَمْتُ. وَلَا رَأَيْتُ إِلَّا تَبَسَّمَ فِي وَجْهِي

**Maksudnya:**

Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam tidak pernah menghalangku (daripada bertemu pada bila-bila masa pun) sejak aku memeluk Islam, dan aku tidak pernah melihat baginda kecuali baginda akan senyum kepadaku.

Hadits tersebut menceritakan Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam selalu tersenyum kepada sahabatnya yang bernama Jarir bin Abdullah Radhiallahu 'anhu setiap kali terserempak. Senyuman baginda itu adalah kerana ingin memuliakannya, mengasihinya dan bermanis muka dengannya. Perkara ini menggalakkan kita untuk bertemu orang lain dengan senyuman, bukan dengan bermasam muka. Senyuman merupakan sedekah dan senyuman kita kepada orang lain dapat menimbulkan kegembiraan di dalam hatinya dan sudah tentu akan mengeratkan ikatan persaudaraan antara kita dengannya. ●



# Nabi Hud 'Alaihissalam Dengan Kaum 'Ad

**N**abi Hud 'Alaihissalam diutus untuk menyedarkan kaum 'Ad, membersihkan aqidah mereka dari segala kepercayaan syirik dan supaya mereka beriman kepada Allah. Nabi Hud 'Alaihissalam memulakan da'wahnya dengan menarik perhatian kaum 'Ad kepada tanda-tanda kewujudan Allah, iaitu segala ni'mat hidup yang berupa tanah yang subur, air yang mengalir dan sebagainya itu adalah ciptaan dan anugerah Allah *Subhanahu wa Ta'ala* kepada mereka, maka Allah juga yang selayaknya disembah bukannya patung yang mereka buat sendiri.

Da'wah Nabi Hud 'Alaihissalam ditolak oleh mereka dengan berbagai alasan dan tuduhan. Di samping itu, mereka melontarkan ejekan dan hinaan terhadap Nabi Hud 'Alaihissalam. Bagi kaum 'Ad, seruan dan da'wah Nabi Hud itu merupakan perkara baru dan akan mengubah semua cara hidup mereka. Menghapuskan adat kebiasaan yang telah mereka warisi dari nenek moyang mereka.

## KAUM 'AD

Kaum 'Ad adalah dari keturunan 'Ad bin 'Aus bin Iram bin Sam bin Nuh

'Alaihissalam. Kaum ini juga digelar dengan nama kaum Iram, iaitu nama lain bagi kaum 'Ad yang pertama. Manakala orang yang selepas mereka dinamakan sebagai kaum 'Ad generasi kedua.

Kaum 'Ad adalah kaum yang dikurniakan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dengan kelebihan yang istimewa bukan sahaja dari segi bentuk fizikal badan, bahkan juga kemahiran yang luar biasa yang tidak dimiliki oleh kaum lain pada zaman tersebut. Kebanyakan mereka bekerja di bidang pertanian

dan pembinaan. Kaum ini terkenal dengan memiliki kekuatan jasmani dengan bentuk fizikal yang besar, tegap dan kuat. Sebahagian ulama tafsir mengatakan bahawa ukuran badan mereka yang paling tinggi ketika itu ialah lebih kurang 100 hasta (1 hasta = 18 inci) dan ukuran yang paling rendah ialah 60 hasta. Dengan bentuk fizikal yang besar itu, mereka mampu membina dan memiliki bangunan-bangunan yang dilengkapi dengan struktur tiang-tiang besar dan tinggi sekaligus memperlihatkan kekuatan, kegagahan dan kemegahan mereka. Ini termasuklah membina istana-istana, benteng-benteng dan kubu-kubu yang kuat. Dari segi perwatakan pula, mereka adalah kaum yang kasar, bengis dan kejam. Perkara ini disebutkan dalam al-Qur'an, Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman dalam surah asy-Syu'araa' ayat 130:

وَلَذَا بَطَشْتُمْ بِكَلْشَنْهُ جَبَرِينَ ﴿٢﴾

**Mafhumnya:**

*Dan jika kamu menyeksa, kamu menyeksa dengan kejam (tanpa belas kasihan).*

Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menambah kurniaan-Nya lagi kepada kaum Ad' yang dianggap serba serbinya lengkap dengan kemewahan ekonomi yang stabil dan pembangunan yang mantap iaitu dengan tanah yang subur, sumber air dari segala penjuru, hidup mewah, tempat-tempat tinggal mereka dipenuhi dengan kebun-kebun bunga yang menarik. Berkat

kurniaan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* itu kehidupan mereka menjadi aman, dan dalam waktu yang singkat mereka berkembang biak dan menjadi suku yang terbesar di antara suku-suku yang ada pada masa itu

Kaum 'Ad tidak mengenal Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Mereka membuat dan menyembah patung sebagai tuhan. Mereka percaya bahawa patung itu dapat memberi kebahagiaan, kebaikan dan keuntungan serta dapat menolak kejahanan, kerugian dan musibah. Mereka beranggapan bahawa kenikmatan hidup yang diperolehi itu adalah kurnia dan pemberian daripada patung berhala itu.

Pergaulan hidup mereka dikuasai oleh ajaran dan pimpinan iblis *la'natullah*, nilai-nilai moral dan akhlak diketepikan dan nilai-nilai kebendaan dan kekuatan lahiriahlah diagung-agungkan, sehingga mereka yang kuat menindas yang lemah, yang besar dan berkuasa memeras yang rendah dibawahnya. Sifat-sifat kezaliman menguasai kehidupan mereka yang menghilangkan sifat-sifat yang mulia dan baik dalam jiwa mereka. Demikianlah gambaran masyarakat kaum 'Ad ketika Allah *Subhanahu wa Ta'ala* mengutus Nabi Hud *'Alaihissalam* sebagai nabi kepada mereka.

## **PEMBALASAN ALLAH *SUBHANAHU WA TA'ALA* KEPADA KAUM 'AD**

Setelah Nabi Hud *'Alaihissalam* puas berdakwah kepada kaumnya

dengan memberikan penerangan yang secukupnya mengenai janji dan ancaman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, namun mereka tetap juga ingkar dan membantah, maka Allah *Subhanahu wa Ta'ala* telah menurunkan pembalasan ke atas mereka dalam dua peringkat.

Peringkat pertama, berupa kekeringan dan kemarau selama tiga tahun. Dalam masa tersebut angin bertiup tetapi tiada hujan yang turun, hal ini menyebabkan mereka merasa gelisah dan cemas. Mereka memang mengharapkan agar hujan turun dengan segera. Dengan keadaan sebegini Nabi Hud 'Alaihissalam menyakinkan mereka bahawa kekeringan yang melanda itu adalah permulaan seksaan dari Allah *Subhanahu wa Ta'ala* yang dijanjikan. Allah masih lagi memberikan kesempatan agar mereka sedar dari kesesatan dan kekafiran dan supaya mereka beriman kepada-Nya, bertaubat dan memohon ampun kepada-Nya, serta berdoa supaya Allah menurunkan hujan agar terhindar dari bahaya kelaparan dan kebuluran. Tetapi mereka masih berdegil, dan menganggap janji Nabi Hud 'Alaihissalam itu adalah janji kosong, bahkan mereka masih lagi menyembah berhala tanpa menghiraukan seruan baginda.

Akhirnya Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menurunkan pembalasan peringkat kedua dengan memperlihatkan kepada mereka gumpalan awan yang mereka sangkakan hujan akan turun membasahi tanaman mereka yang kekeringan.

Nabi Hud 'Alaihissalam menerangkan kepada mereka bahawa awan hitam itu bukanlah membawa rahmat bagi mereka, tetapi membawa kehancuran bagi mereka. Inilah pembalasan Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, sebagai bukti kebenaran seruan baginda yang mereka bantah dan dustakan.

Firman Allah dalam surah al-Ahqaf ayat 24-25:

فَلَمَّا رَأَوْهُ عَارِضًا مُسْتَقْبِلَ أَوْ دِينَهُمْ قَالُوا هَذَا  
عَارِضٌ مُمْطَرُنَا بِلْ هُوَ مَا أَسْعَجَنَا مِنْهُ رِيحٌ  
فِيهَا عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٢٤﴾ تَدْمِرُ كُلَّ شَيْءٍ بِأَمْرِ  
رَبِّهَا فَاصْبَحُوا لَا يُرَى إِلَّا مَسْكِنُهُمْ كَذَلِكَ  
يَخْرُجُ الْقَوْمُ مُلْمِجُ مِنْ ﴿٢٥﴾

**Mafhumnya:**

Maka apabila mereka melihat azab yang berupa awan menghala ke lembah-lembah perkampungan mereka, mereka berkata: "Inilah awan yang akan membawa hujan kepada kita." (Nabi Hud berkata: "Bukan) bahkan itulah (azab) yang kamu minta segerakan kedatangannya, iaitu angin yang membawa azab yang pedih." "Yang memusnahkan segala-galanya dengan perintah Tuhan," Maka mereka pun musnah hingga tidak ada yang kelihatan melainkan (kesan-kesan) tempat tinggal mereka. Demikianlah Kami membalaus kaum yang berdosa.

Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah al-Haaqqah ayat 6-7:

وَلَمَّا دَعَهُمْ كُوَافِرٍ بِحَرَقٍ رَّأَيْتَهُمْ  
سَحَرَهَا عَلَيْهِمْ سَيْئَ لِيَالٍ وَّثَمَنَيْةَ أَيَّامٍ  
حُسُومًا فَتَرَى الْفَوْمُ فِيهَا صَرْعَى كَانُهُمْ  
أَعْجَازٌ نَخْلٌ خَاوِيَّةٌ

#### Mafhumnya:

Dan adapun kaum 'Ad (pula), mereka telah dibinasakan dengan angin sejuk yang bergemuruh lagi kencang. Allah menimpakan angin itu kepada mereka selama tujuh malam lapan hari terus menerus, (kalaular engkau menyaksikan-Nya) maka engkau akan melihat kaum itu mati bergelimpangan seolah-olah mereka batang pohon kurma yang lapuk.

Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman dalam surah adz-Dzaariyat ayat 41-42:

وَفِي عَادٍ إِذْ أَرْسَلْنَا عَلَيْهِمُ الرِّيحَ الْعَقِيمَ  
مَا تَدْرِي مِنْ شَيْءٍ إِنَّكَ عَلَيْهِ إِلَّا جَعَلْنَاهُ  
كَالْرَّمِيمِ

#### Mafhumnya:

Dan juga pada (kisah) kaum 'Ad ketika Kami mengantarkan kepada mereka angin yang membinasakan. (Angin itu) tidak meninggalkan suatu pun yang dirempuhnya melainkan dijadikannya hancur luluh seperti serbuk.

Kemusnahan kaum 'Ad yang ingkar itu adalah bukti nyata bahawa janji Allah adalah benar. Selain itu, ia juga membuktikan bahawa Allah Maha Berkuasa menunjukkan kekuatan-Nya ke atas mereka. Itulah satu tanda kebesaran dan kekuasaan-Nya yang wajib diyakini dengan sepenuhnya.

#### Nabi Hud Alaihissalam Terselamat

Firman Allah dalam surah al-A'raaf ayat 72:

فَأَنْجَيْنَاهُ وَالَّذِينَ مَعَهُ بِرَحْمَةِ مُنْكَرٍ  
وَقَطَعْنَا دَابِرَ الَّذِينَ كَذَّبُوا بِإِيمَانِنَا  
وَمَا كَانُوا مُؤْمِنِينَ



### **Mafhumnya:**

*Maka Kami selamatkan Nabi Hud dan orang-orang yang bersamanya dengan rahmat daripada Kami dan Kami pupuskan keturunan orang-orang yang mendustakan ayat-ayat keterangan Kami dan mereka bukanlah orang yang beriman.*

Kisah-kisah kaum yang ingkar dan mendustakan nabi dan rasul banyak sekali disebut dalam al-Qur'an dengan tujuan untuk menjadi peringatan dan pengajaran kepada umat Nabi

Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bahawa hanya keimanan kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* sahaja yang dapat menyelamatkan manusia di dunia dan di akhirat.

Sebahagian daripada kisah-kisah tersebut telah meninggalkan kesan-kesan sejarah yang masih dapat dilihat hingga ke hari ini dan ini merupakan satu bukti yang menjelaskan bahawa kisah-kisah tersebut bukanlah sebuah kisah dongeng atau rekaan semata. ●





# Kita Pasti Diuji



**U**jian yang diberikan oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala kepada para hamba-Nya dengan disedari atau tidak adalah merupakan suatu kurniaan untuk meraih pahala dari-Nya juga. Kita perlu bersabar dan bertengang dan mencari hikmah disebalik setiap kejadian yang berlaku. Dari sinilah akan melahirkan jiwa yang redha dengan Qada' dan Qadar dan sifat bersyukur terhadap rahmat Allah Subhanahu wa Ta'ala. Manusia seringkali mempersoalkan walau pun tidak secara terang namun keresahan hati akan terus bertanya kenapa dan kenapa ujian seringkali dihadapi. Persoalan dan keluhan kita ada dicatatkan jawapannya menerusi firman Allah Subhanahu wa Ta'ala.

## *Kenapa kita diuji?*

Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam surah al-Ankabut ayat 2-3:

أَحَسِبَ النَّاسُ أَنَّ يُتْرَكُو أَنْ يَقُولُوا إِنَّا مَمْنُونُ  
وَهُمْ لَا يُفْتَنُونَ ﴿٢﴾ وَلَقَدْ فَتَنَّا الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ  
فَيَعْلَمَنَّ اللَّهُ الَّذِينَ صَدَقُوا وَيَعْلَمَنَّ  
الْكَافِرُونَ ﴿٣﴾

## **Mafhumnya:**

Adakah manusia itu menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan (hanya) berkata: "Kami telah beriman," sedang mereka tidak diuji? Dan demi sesungguhnya Kami telah menguji orang-orang yang sebelum mereka, maka sesungguhnya Allah mengetahui orang-orang yang benar beriman dan sesungguhnya Dia mengetahui orang-orang yang berdusta.

## *Kenapa kita tidak mendapat apa yang kita mahukan?*

Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam surah al-Baqarah ayat 216:

...وَعَسَىٰ أَن تَكُرُّهُوْ شَيْئًا وَهُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ  
وَعَسَىٰ أَن تُحِبُّوْ شَيْئًا وَهُوَ شَرٌّ لَّكُمْ وَاللَّهُ يَعْلَمُ  
وَأَنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿١٦﴾

### **Mafhumnya:**

...Dan boleh jadi kamu tidak menyukai kepada sesuatu padahal ia baik bagi kamu dan boleh jadi kamu menyukai sesuatu padahal ia buruk bagi kamu. Dan Allah mengetahui sedang kamu tidak mengetahui.

## *Kenapa ujian kita seberat ini?*

Firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 286:

لَا يُكْلِفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا...

### **Mafhumnya:**

Allah tidak membebani seseorang (dengan kewajipan) melainkan apa yang terdaya olehnya...

## *Bagaimana untuk kita menghadapinya?*

Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam surah al-Baqarah ayat 45:

وَاسْتَعِينُوْ بِالصَّابِرِ وَالصَّلَوةِ وَإِنَّهَا لَكَبِيرَةٌ إِلَّا  
عَلَى الْخَشِعِينَ ﴿٤٥﴾

### **Mafhumnya:**

Dan mintalah pertolongan (kepada Allah atas segala urusan kamu) dengan kesabaran dan mendirikan sembahyang. Dan sesungguhnya sembahyang itu sangat berat (mendirikannya) melainkan bagi orang-orang yang khusyu'.

## *Apa yang kita dapat dari ujian ini?*

Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam surah at-Taubah ayat 111:

إِنَّ اللَّهَ أَشْتَرَى مِنَ الْمُؤْمِنِينَ أَنفُسَهُمْ  
وَأَمْوَالَهُمْ بِأَنَّ لَهُمُ الْجَنَّةَ...

### **Mafhumnya:**

Sesungguhnya Allah membeli daripada orang-orang beriman, jiwa dan harta benda mereka dengan mengurniakan bagi mereka syurga...

## *Kepada siapa kita bergantung harapan dan sandaran?*

Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam surah at-Taubat ayat 129:

حَسِّنِي اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَلَيْهِ تَوَكِّلُ...

### **Mafhumnya:**

...Cukuplah Allah untuk (menolong) ku, tiada tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia. Kepada-Nya aku bertawakkal...

*Kenapa kita tidak tahan dengan ujian ini, sanggupkah kita menghadapinya?*

Allah berfirman dalam surah Yuusuf ayat 87:

...وَلَا تَأْيُشُوا مِن رَّوْحِ اللَّهِ إِنَّهُ وَلَا يُأْتِيْكُم مِنْ  
رَّوْحِ اللَّهِ إِلَّا لِلْقَوْمِ الْكَافِرُونَ ﴿٨٧﴾

**Mafhumnya:**

...dan janganlah kamu berputus asa daripada rahmat Allah. Sesungguhnya tiada yang berputus asa daripada rahmat Allah melainkan kaum yang kafir.

Semuanya tercatat dalam al-Qur'an untuk kita muhasabahkan diri terhadap jawapan yang telah lama tercatat. Ujian itu misteri kerana kita tidak mengetahui rahsia di sebalik ujian yang diberikan.

*“Redhalah  
Dengan Ujian  
Kita”*



# Adab Menziarahi Orang Yang Sedang Nazak

Menziarahi orang sakit adalah sunat dan digalakkan oleh Islam. Amalan ini dapat mempereratkan lagi hubungan silaturrahim sesama keluarga dan sesama muslim. Sekiranya sakit yang membawa dalam keadaan nazak maka terdapat adab-adab yang perlu dilakukan. Adapun orang yang dalam keadaan nazak bermaksud keadaan seseorang yang terlalu tenat, tiada harapan untuk sembuh dan kematian sudah terlalu hampir mendekatinya. Kematian yang sudah pasti akan mendatangi seluruh makhluk Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Tidak ada seorang pun yang dapat menolaknya dan tidak ada seorang pun yang tahu bila kematian akan menjemputnya.

Apabila kita menziarahi orang yang dalam keadaan nazak, terdapat beberapa adab yang perlu dilakukan antaranya ialah:

## SUNAT MENGAJAR BACAAN TALQIN

Bacaan Talqin yang dimaksudkan ialah: **لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ** (Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah).

Daripada Mu'az bin Jabal *Radhiyallahu 'anhu* dia berkata: telah bersabda Nabi *Shallallahu 'alaihi wa sallam*:

مَنْ كَانَ آخِرُ كَلَامِهِ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ دَخَلَ الْجَنَّةَ

### **Maksudnya:**

*"Barangsiapa yang akhir perkataannya (sebelum meninggal dunia) mengucapkan لَإِلَهٌ إِلَّا اللَّهُ maka dia akan masuk syurga."*

### **MENDOAKAN DENGAN KEBAIKAN**

Dalam sebuah hadits yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari daripada Saiyidatina 'Aisyah Radhiallahu 'anha bahawa Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam menziarahi keluarganya yang sakit dan baginda berdoa:

اللَّهُمَّ رَبَّ النَّاسِ أَدْهِبِ الْبَأْسَ، إِشْفِ أَنْتَ  
 الشَّافِ لَا شِفَاءَ إِلَّا شِفَاؤُكَ، شِفَاءً لَا يُعَادُ  
 سَقَمًا.

### **Maksudnya:**

*"Ya Allah! Tuhan yang memelihara manusia, hilangkanlah kesusahan ini, sembuhkanlah dia, Engkau yang menyembuhkan, tidak ada suatu penyembuhan kecuali penyembuhan Engkau, sembuh yang tidak diringi sakit lagi."*



Dari Ummu Salamah, *Radhiallahu 'anha*, dia berkata: telah bersabda Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam*:

إِذَا حَضَرْتُمُ الْمَرِيضَ أَوِ الْمَيِّتَ فَقُولُوا خَيْرًا  
 فَإِنَّ الْمَلَائِكَةَ يُؤْمِنُونَ عَلَى مَا تَقُولُونَ. قَالَتْ:  
 فَلَمَّا مَاتَ أَبُو سَلَمَةَ أَتَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ  
 عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ! إِنَّ أَبَا سَلَمَةَ  
 قَدْ مَاتَ. قَالَ: قُولِي اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي وَلَهُ  
 وَأَعْقِبْنِي مِنْهُ عُقْبَى حَسَنَةً. قَالَتْ: فَقُلْتُ  
 فَأَعْقَبْنِي اللَّهُ مَنْ هُوَ خَيْرٌ لِي مِنْهُ مُحَمَّدًا  
 صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

### **Maksudnya:**

*"Apabila kamu mengunjungi orang sakit atau orang yang meninggal dunia, maka ucapkanlah (doa) yang baik, kerana malaikat mengaminkan apa yang kamu ucapkan."* (Ummu Salamah) berkata: ketika Abu Salamah (suaminya) meninggal dunia, aku mendatangi Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam dan berkata, "Wahai Rasulullah! Sesungguhnya Abu Salamah telah meninggal dunia." Maka baginda pun bersabda: "Ucapkanlah: Ya Allah! Ampunilah aku (kesalahanku) dan ampunilah dia (kesalahannya), dan tukarkan serta datangkan kepadaku sepeninggalannya dengan pertukaran yang baik."

Berkata (Ummu Salamah):  
*Maka aku membacanya, lalu Allah mendatangkan kepadaku sepeninggalannya orang yang lebih baik, iaitu Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam."*

## MENGHADAPKAN KE ARAH KIBLAT

Sunat menghadapkan mukanya (orang yang nazak) ke arah kiblat dengan memiringkan (disengetkan) ke sebelah kanan, jika tidak dapat memiringkannya ke sebelah kiri, hendaklah melintangkannya sahaja dengan kakinya ke hadapan dan kepalanya ditinggikan sedikit menghadap kiblat.

Daripada Abu Qutadah dia berkata:

إِنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حِينَ قَدِمَ الْمَدِينَةَ سَأَلَ عَنِ الْبَرَاءِ ابْنِ مَعْرُورٍ فَقَالُوا: تُؤْفَى وَأَوْصَى بِشُلُثِهِ لَكَ يَا رَسُولَ اللَّهِ وَأَوْصَى أَنْ يُوْجَهَ إِلَى الْقِيلَةِ لَمَّا اخْتَصَرَ. فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَصَابَ الْفِطْرَةَ وَقَدْ رَدَدْتُ شُلُثُهُ عَلَى وَلَدِهِ ثُمَّ دَهَبَ فَصَلَّى عَلَيْهِ وَقَالَ: اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُ وَازْحِمْهُ وَأَدْخِلْهُ جَنَّتَكَ وَقَدْ فَعَلتُ.

### Maksudnya:

Sesungguhnya Nabi Shallallahu 'alaihi wa sallam ketika tiba di Madinah, baginda bertanya tentang al-Barraa' bin Ma'ruur. Maka mereka (para sahabat) berkata: "Dia telah meninggal dunia dan berwasiat dengan sepertiga (hartanya) untukmu (wahai Rasulullah), dia juga berpesan agar dia dihadapkan ke kiblat jika dia hendak meninggal dunia". Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda: "Ia berada di atas fitrah, dan aku kembalikan sepertiga harta itu

kepada anaknya". Kemudian baginda pergi untuk menyembahyangkannya. Baginda mendoakan: "Ya Allah, ampunilah dia, sayangilah dia, dan masukkanlah dia ke dalam syurga-Mu. Dan aku telah melakukannya (menjawab doanya)."

## MEMBACAKAN SURAH YAASIIN

Imam Ahmad telah meriwayatkan dalam sebuah hadits daripada Ma'qal bin Yasar Radhiallahu 'anhu, bahawa Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda:

يَسِّ قَلْبُ الْقُرْآنِ لَا يَقْرُؤُهَا رَجُلٌ يُبَدِّدُ اللَّهَ وَالدَّارَ الْآخِرَةَ إِلَّا عُفِرَ لَهُ، وَاقْرُؤُهَا عَلَى مَوْتَاهُ

### Maksudnya:

"Yaasiin adalah hati al-Qur'an tidaklah seseorang membacanya, sedang dia mengharap (redha) Allah Tabaraka wa Ta'ala dan akhirat, melainkan dosanya akan diampuni. Bacakanlah (Surah Yaasiin) terhadap orang yang hendak meninggal dunia di antara kamu."





# Dinamika Manusia Dalam Tulis Baca

Seperti adanya yang kedengaran itu adalah sebutan  
huruf dan aksaranya dituliskan yang  
apabila kau fahamkan,  
maknanya itu telah pernah ada yang  
mengajarkan dan engkau muridnya lalu  
kemudian guru bagi semua  
orang itu datangnya dahulu merintiskan jalan  
panjang pendek langkah langkau dari mana dan



ke mana menjelaki lambing yang  
terukir pada dinding-dinding gua  
sejarah purba segala benua yang  
mempamerkan tamadunnya  
bahawa manusia dengan alamnya  
tetap harmonis saja  
dengan salasilah asal usul kejadiannya  
yang dirakamkan dalam tulis baca yang huruf  
dan aksaranya bukan mantera  
tiup baca jampi-jampian yang hujung  
pangkalnya tidak keruan



akhirnya herkat bacaannya diajarkan  
dengan rentetan wahyu Tuhan  
mengalun-alun memaksikan syir'atan  
wa minhajan membuka dan menguak  
ruang-ruang ligar dinamika kehidupan  
berputar pada pusaran dengan ligat  
mencernakan bahawa dari baca kepada  
tulis huruf aksaranya itu adalah khazanah  
memanggilmu mencari anak kunci  
gimpalan rahasia ilmu dan hikmah  
maka riwayat masa silam menemukanmu  
ke masa kini yang rentetan panjang bangkit



bangun tamadun tetap bersaksi  
bahawa engkau dan alam ini harmonis  
kerana engkau tahu diri  
lewat tulis baca pada dinding-dinding  
gua dan kitab-kitab suci  
apa itu akan pernah menemukanmu titik  
akhir dinamikanya kerana alam dan manusia  
kini tulis bacanya berubah cara tidak!  
jauh panggang dari api.

*Badaruddin H.O  
Penerbangan Garuda,  
Melbourne – Denpasar.  
1 April 2013*